PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2009

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan menguncup pada suku pertama 2009

Ekonomi Malaysia menguncup 6.2% (S4 08: +0.1%) pada suku pertama 2009, berikutan kemerosotan yang ketara dalam permintaan luar negeri akibat kemelesetan yang meruncing dalam ekonomi-ekonomi maju. Ambilan inventori yang besar, khususnya dalam sektor perkilangan dan komoditi, juga menyumbang kepada kemerosotan pertumbuhan pada suku pertama. Pelaburan tetap telah merosot disebabkan sentimen perniagaan yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam telah memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan. Dari segi penawaran, kesemua sektor mengalami penguncupan, kecuali sektor pembinaan.

Penguncupan pada suku pertama 2009
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku pertama, permintaan dalam negeri merosot 2.9% (S4 08: 2.8%) akibat perbelanjaan perniagaan dan isi rumah yang lebih berhati-hati berikutan keadaan perniagaan dan ekonomi keseluruhan yang makin lemah. Penggunaan swasta juga mengalami kemerosotan kecil sebanyak 0.7% (S4 08: 5.3%) disebabkan perbelanjaan terjejas oleh keadaan pasaran pekerja yang makin merosot. Walau bagaimanapun, sentimen pengguna bertambah baik pada bulan Mac, dengan Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat kepada 78.9 mata daripada 71.4 mata pada suku keempat 2008. Sementara itu, penggunaan awam berkembang 2.1%, berikutan perbelanjaan yang lebih besar bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pada suku itu, pembentukan modal tetap kasar merosot 10.8% (S4 08: -10.2%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta yang lebih lemah, apabila keyakinan perniagaan merosot berikutan kejatuhan dalam permintaan luar negeri. Namun, perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, terutamanya bagi pendidikan, pertanian dan pembangunan luar bandar, mencerminkan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan kesan buruk perkembangan luaran terhadap ekonomi dalam negeri. Eksport kasar merosot dengan ketara sebanyak 20% berikutan penguncupan yang nyata dalam eksport perkilangan (-18%) serta eksport komoditi yang lebih rendah. Prestasi eksport perkilangan terjejas oleh permintaan lebih rendah terhadap keluaran elektronik dan barangan elektrik (E&E) dan bukan E&E dari pasaran utama. Selain itu, eksport komoditi bertukar negatif (-23.8%; S4 08: 6.1%), mencerminkan kesan harga yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lemah.

Dari segi sektor, kesemua sektor ekonomi mengalami penguncupan, kecuali sektor pembinaan. Sektor perkilangan merosot dengan ketara sebanyak 17.6%(S4 08: -8.8%), didorong oleh penguncupan sebanyak 23.1% dalam industri berorientasikan eksport. Khususnya, industri E&E merosot dengan ketara sebanyak 41.4%. Industri berorientasikan dalam negeri merosot 15.9% (S4 08: -2%) disebabkan subsektor berkaitan pengguna dan pembinaan yang lemah. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mendatar dengan kemerosotan kecil sebanyak 0.1% (S4 08: 5.7%), terjejas terutamanya oleh subsektor yang berkait rapat dengan sektor perkilangan. Sektor pertanian mencatat penguncupan sebanyak 4.3% (S4 08: 0.5%) disebabkan pengeluaran

minyak sawit dan getah yang lebih rendah, manakala sektor perlombongan merosot 5.2% (S4 08: -5.7%) disebabkan kejatuhan pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Sementara itu, sektor pembinaan pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.6% (S4 08: -1.6%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pembinaan segmen ruang pejabat dan segmen bernilai tinggi dalam subsektor kediaman.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.7% pada suku pertama (S4 08: 5.9%) disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol dan pengangkutan. Sementara itu, inflasi dalam kategori perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain juga menjadi sederhana kepada 1.6% (S4 08: 1.8%), mencerminkan pengurangan sebanyak 2.5% dalam tarif elektrik bagi isi rumah yang berkuat kuasa pada 1 Mac. Inflasi terus menjadi sederhana kepada 3% pada bulan April.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan kekal besar pada RM32.7 bilion, disebabkan penguncupan import lebih besar daripada eksport. Penurunan import kasar yang lebih besar (-28.9%; S4 08: -12.2%) disebabkan oleh import barangan pengantara dan modal yang lebih rendah berikutan kemerosotan eksport perkilangan dan diikuti oleh pelarasan inventori serta aktiviti pelaburan yang lebih lemah.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) menjadi sederhana kepada RM6.4 bilion pada suku pertama (S4 08: RM9 bilion), mencerminkan aliran masuk modal ekuiti dan ambilan pinjaman antara syarikat yang lebih rendah. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih berjumlah RM2.1 bilion (S4 08: RM3.4 bilion), dan disalurkan kepada sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih lebih rendah sebanyak RM3 bilion (S4 08: -RM8.1 bilion), sebahagian besarnya bagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih lebih rendah sebanyak RM9.5 bilion (S4 08: -RM24.8 bilion), mencerminkan terutamanya penjualan bersih ekuiti dan sekuriti hutang yang lebih rendah oleh pelabur asing.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM320.7 bilion (bersamaan dengan USD87.8 bilion) pada 31 Mac 2009 dan terus stabil pada RM321.5 bilion (bersamaan dengan USD88 bilion) pada 15 Mei 2009. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang jangka pendek.

Kadar faedah diturunkan sejajar dengan penurunan OPR

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan sebanyak 75 mata asas pada bulan Januari 2009, dan seterusnya sebanyak 50 mata asas lagi pada bulan Februari 2009, menjadikan OPR menurun kepada 2.00%. Bagi mengurangkan lagi kos pengantaraan, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga diturunkan serentak sebanyak 150 dan 100 mata asas masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2009. Rangsangan monetari telah dilakukan lebih awal untuk menyokong permintaan dalam negeri berikutan peningkatan risiko pertumbuhan yang lebih rendah dalam persekitaran tekanan inflasi yang semakin reda. OPR tidak berubah pada bulan April sejajar dengan penilaian bahawa langkah-langkah dasar monetari terkumpul adalah mencukupi untuk menyokong permintaan dalam negeri.

Berikutan penurunan OPR kepada 2.50% pada 21 Januari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menurun dan menjadi stabil pada julat yang lebih rendah 2.49% - 2.51% pada tempoh 22 Januari – 24 Februari. Dengan penurunan OPR selanjutnya kepada 2.00% pada 24 Februari, kadar antara bank terus menurun kepada julat yang lebih rendah 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga mengalami penurunan sejajar dengan penurunan OPR.

Penurunan terkumpul OPR telah diserapkan dengan cepat dan dalam kadar yang besar kepada kadar pinjaman runcit. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan pada suku pertama ialah sebanyak 5.53% (akhir bulan Disember 2008: 6.48%). Sementara itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul mencatat kadar terendah baharu dalam sejarah sebanyak 5.16% pada bulan Mac 2009, berbanding dengan 5.86% pada akhir bulan Disember 2008. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan menurun pada suku pertama, dan masing-masing berada dalam julat 2.02% hingga 2.52% pada akhir bulan Mac.

Pembiayaan ekonomi terus mencukupi dan dapat diakses oleh kesemua segmen ekonomi. Mudah tunai dalam sistem kewangan mencukupi untuk menyokong permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat 10.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2008: 12.7%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10.9% walaupun pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan menjadi sederhana ekoran aktiviti ekonomi yang lebih perlahan.

Pada suku itu, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM11.6 bilion. Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam, iaitu berjumlah RM10.8 bilion. Bagi sektor swasta, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM698 juta, manakala dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM144 juta.

Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 7.3% pada akhir bulan Mac 2009 (akhir bulan Disember 2008: 11.9%). M3 bertambah sebanyak RM17.7 bilion bebanding dengan suku sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan dan aliran masuk asing bersih.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.0% pada suku pertama. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit lebih kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.3%) dan euro (0.9%), tetapi lebih lemah berbanding dengan paun sterling (-4.2%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Dari segi prestasinya, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS menjelang awal tahun 2009 disebabkan ketidaktentuan yang berlarutan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan kelembapan ekonomi global telah menjejaskan sentimen dan meneruskan penghindaran risiko oleh para pelabur. Walau bagaimanapun, ringgit stabil pada bulan Mac berikutan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko terhadap aset kewangan dalam pasaran sedang pesat membangun. Ringgit juga memperoleh manfaat daripada reaksi pasaran yang positif terhadap Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang diumumkan pada 10 Mac. Pada tempoh 1–26 Mei 2009, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (4.5%) dan yen Jepun (0.5%). Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-5.8%) dan euro (-0.9%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand dalam julat 1.2% hingga 4.4%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, won Korea dan dolar Singapura dalam julat 0.4% hingga 6.9%.

Sektor perbankan dan insurans terus berdaya tahan

Sektor perbankan terus berdaya tahan dan disokong oleh permodalan yang kukuh dan kualiti kredit yang stabil. Meskipun keberuntungan menjadi sederhana disebabkan oleh keadaan ekonomi, kedudukan kewangan sistem perbankan terus teguh dan disokong oleh mudah tunai yang mencukupi. Sistem perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Pada akhir bulan Mac 2009, nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) bertambah kukuh kepada 13.4%, manakala nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) meningkat 0.9 mata kepada 11.5%. Nisbah modal yang kukuh adalah hasil daripada usaha memperoleh modal oleh sebilangan institusi perbankan untuk meningkatkan kedudukan modal masing-masing. Sementara itu, modal berlebihan ialah sebanyak RM44.6 bilion.

Keuntungan sebelum cukai (pre-tax profit, PBT) berjumlah RM4.8 bilion pada suku pertama 2009. Pulangan aset dan ekuiti purata berasaskan kadar tahunan masing-masing pada 1.7% dan 19.9%.

Sektor insurans dan takaful terus mengekalkan kedudukan yang kukuh dan disokong oleh paras modal yang teguh. Premium dan caruman adalah menggalakkan dan menyumbang kepada paras keberuntungan yang sederhana. Namun begitu, perkembangan dalam pasaran modal terus memberikan tekanan terhadap keberuntungan yang lebih rendah.

Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio) ialah sebanyak 211.3% pada akhir bulan Mac 2009 (S4 08: 187.6%). Ekuiti pemegang saham meningkat kepada RM14.5 bilion (S1 08: RM13.4 bilion) hasil daripada usaha memperoleh modal oleh beberapa penanggung insurans.

Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan menjadi sederhana kepada RM2.1 bilion pada suku pertama 2009, sebahagiannya disebabkan oleh pembayaran manfaat polisi bersih yang lebih tinggi berjumlah RM2.5 bilion. Penyederhanaan ini juga berpunca daripada penurunan sebanyak 11.3% dalam perniagaan berkaitan pelaburan baharu.

Permintaan dalam negeri terus penting dalam menyokong pertumbuhan

Walaupun terdapat tanda-tanda awal ekonomi akan kembali stabil di beberapa negara sejak beberapa bulan kebelakangan ini, ekonomi-ekonomi maju yang utama masih mengalami kemelesetan yang ketara. Sementara itu, keadaan sistem kewangan antarabangsa masih belum kembali normal. Perkembangan ini akan terus menjejaskan prospek keadaan ekonomi global. Namun demikian, pelaksanaan langkah-langkah rangsangan yang nyata oleh beberapa ekonomi telah meningkatkan prospek keadaan ekonomi global untuk pulih, terutamanya pada separuh kedua tahun 2009. Kemajuan yang dicapai dalam penyelesaian sektor kewangan dalam beberapa ekonomi turut memberikan sokongan ke arah persekitaran ekonomi dan kewangan yang kembali stabil.

Ekonomi Malaysia telah terjejas teruk oleh perkembangan global yang negatif ini, yang mengakibatkan kemerosotan ketara dalam eksport, dan memberikan kesan seterusnya terhadap ekonomi pada suku pertama. Kesan ini berterusan hingga suku kedua. Ekonomi dalam negeri dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini, disokong oleh keadaan ekonomi global yang kembali stabil, dan diperkukuh oleh pelaksanaan langkah fiskal yang pesat, inflasi yang terus sederhana, akses kepada pembiayaan yang berterusan, serta kesan kumulatif daripada persekitaran monetari yang akomodatif. Dengan eksport dijangka terus merosot, pertumbuhan ekonomi akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya melalui pelaksanaan rangsangan fiskal.

Pelaksanaan langkah-langkah rangsangan fiskal dijangka mengukuhkan sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri serta meningkatkan keyakinan sektor swasta. Persekitaran monetari yang akomodatif berikutan penurunan OPR dan SRR pada suku pertama juga akan memberikan sokongan berterusan terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri. Akses kepada pembiayaan yang berterusan, terutamanya dengan pengenalan beberapa kemudahan jaminan pinjaman dan penubuhan Institusi Jaminan Kerajaan (Danajamin Nasional Berhad), dan inflasi yang lebih rendah juga akan memberikan sokongan kepada ekonomi dalam tempoh yang mencabar ini. Dalam persekitaran ini, Bank Negara Malaysia akan terus memberikan tumpuan terhadap usaha memastikan kesemua segmen dalam ekonomi mendapat akses kepada kredit.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2009

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Keadaan ekonomi global terus merosot

Ekonomi global terus merosot pada suku pertama 2009, manakala keadaan dalam sistem kewangan antarabangsa mula stabil menjelang akhir suku itu. Ekonomi maju utama masih menghadapi penguncupan ekonomi yang meruncing akibat permintaan sektor swasta yang merosot. Ekonomi serantau mengalami kelembapan ekonomi yang nyata pada suku pertama berikutan kemerosotan yang berterusan dalam eksport dan pengeluaran. Berikutan pertumbuhan ekonomi yang semakin lembap dan tekanan inflasi yang kian reda, pihak berkuasa ekonomi maju terus mengambil langkah-langkah monetari dan kewangan yang agresif untuk menstabilkan sistem kewangan.

Di **AS**, KDNK benar menguncup pada kadar tahunan sebanyak 6.1% pada suku pertama (S4 08: -6.3%), penyusutan untuk kali ketiga berturut-turut dan yang paling lama sejak tahun 1975. Walaupun terdapat peningkatan perbelanjaan pengguna berbanding dengan suku sebelumnya, kemerosotan KDNK keseluruhan disebabkan oleh penurunan pelaburan tetap swasta dan perbelanjaan kerajaan yang lebih besar serta ambilan inventori yang banyak. Aktiviti pelaburan tetap swasta mencatat penguncupan yang lebih besar sebanyak 37.9% (S4 08: -21.7%), mencerminkan kemerosotan menyeluruh dalam sektor kediaman dan bukan kediaman. Ambilan inventori swasta mencakupi hampir separuh daripada penurunan KDNK pada suku pertama, disebabkan perniagaan terus mengurangkan inventori berikutan prospek permintaan yang lemah. Sementara itu, inflasi keseluruhan menurun 0.2% pada suku itu (S4 08: 1.5%) disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan kos pengangkutan yang lebih rendah.

Di **Jepun**, KDNK benar menurun pada kadar tahunan sebanyak 15.2% (S4 08: - 14.4%), kemerosotan paling teruk sejak berlakunya peperangan. Kemerosotan ini didorong terutamanya oleh kejatuhan mendadak eksport sebanyak 46.9% pada suku itu (S4 08: -23.2%). Kemerosotan eksport yang menyeluruh, terutamanya eksport automobil ke AS dan Eropah dan eksport elektronik ke rantau Asia, diikuti oleh penyusutan mendadak sebanyak 34.5% dalam pengeluaran perindustrian (S4 08: -14.6%). Sementara itu, penggunaan swasta terus mengalami tekanan apabila pengangguran mencecah paras tertinggi sejak 5 tahun sebanyak 4.8% pada bulan Mac. Dari segi inflasi, harga seperti yang diukur oleh harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) mencatat penurunan mendatar pada suku pertama (S4 08: 1%), mencerminkan harga komoditi yang lebih rendah dan keadaan permintaan yang lembap.

KDNK benar di **kawasan euro** mengalami kemerosotan sebanyak 4.6% pada suku

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008			2009	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	0.9	-6.3	1.1	-6.1[a]	Penurunan besar dalam pelaburan swasta dan perbelanjaan kerajaan, di samping pengurangan inventori.
UK	2.6	-2.0	0.7	-4.1	Penguncupan yang lebih besar sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Kawasan euro	2.1	-1.5	0.8	-4.6[p]	Kombinasi daripada penguncupan di Jerman akibat eksport dan keadaan domestik yang lemah di ekonomi euro yang lain.
Jepun[1]	3.4	-14.4[d]	-0.7[d]	-15.2[p]	Kemerosotan dalam eksport dan pengeluaran

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

pertama (S4 08: -1.5%), merupakan penguncupan terbesar sejak penubuhannya pada tahun 1999. Jerman, iaitu negara anggota euro terbesar telah menguncup 6.9% (S4 08: -1.6%), iaitu kemerosotan paling ketara dalam tempoh 30 tahun, yang didorong oleh kemerosotan eksport bersih dan pelaburan. Permintaan dalam negeri dalam beberapa ekonomi seperti Ireland dan Sepanyol terjejas oleh pembetulan semasa dalam pasaran perumahan. Kemelut ekonomi juga telah menyebabkan syarat-syarat kredit lebih ketat bagi isi rumah dan perniagaan di kawasan euro, dengan penunjuk sentimen ekonomi mencecah rekod terendah sebanyak 64.6 mata pada bulan Mac. Sementara itu, di **UK**, KDNK benar merosot 4.1% pada suku pertama (S4 08: -2.0%), penguncupan terbesar semenjak tahun 1980, disebabkan oleh penguncupan yang lebih besar dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dari segi inflasi, harga pengguna terus menurun kepada 3.0% pada suku pertama (S4 08: 3.9%).

Walaupun terdapat beberapa tanda awal kestabilan sistem kewangan global, bank-bank pusat dalam ekonomi maju terus mengambil langkah-langkah pelonggaran kuantitatif dan memperkenalkan langkah-langkah selanjutnya untuk mengukuhkan institusi kewangan dan pasaran yang lemah. Di **AS**, dengan kadar federal funds telah pun menghampiri sifar, **Federal Reserve** (Fed) memutuskan untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem kewangan dan menyokong pasaran perumahan melalui pembelian sekuriti Perbendaharaan AS jangka panjang sebanyak USD300 bilion dan sekuriti bersandarkan gadai janji (mortgage-backed securities) sehingga USD750 bilion pada 18 Mac. Fed juga menggunakan Kemudahan Pinjaman Sekuriti Bersandarkan Aset Bertempoh (*Term Asset-Backed Securities Loan Facility*, TALF) untuk menyokong pemberian pinjaman perniagaan dan pengguna melalui pasaran sekunder. Yang penting, pihak berkuasa AS mengumumkan rancangan baharu yang dikenali sebagai Program Pelaburan Awam-Swasta bagi Aset Legasi (*Public-Private Investment Program for Legacy Assets*) untuk mengetepikan aset-aset toksik sebanyak USD1 trilion daripada kunci kira-kira institusi perbankan. Sebagai sebahagian daripada rancangan permodalan semula, pihak berkuasa AS telah menjalankan ujian ketahanan terhadap 19 bank terbesar AS bagi mengenal pasti sama ada suntikan modal diperlukan sebelum bank-bank tersebut dapat menjalankan aktiviti pemberian pinjaman seperti biasa. Ujian ketahanan mendedahkan bahawa 10 daripada 19 bank tersebut perlu menambah modal mereka sebanyak USD75 bilion. Sementara itu, **Bank Pusat Eropah** (European Central Bank, ECB) mengurangkan kadar semalamannya sebanyak 50 mata asas kepada 1.5% pada bulan Mac, dan sebanyak 25 mata asas lagi kepada 1.25% pada bulan April. Pada bulan Mei, ECB mengumumkan akan membeli bon terlindung (covered bonds) dalam denominasi euro sebanyak €60 bilion bagi meningkatkan pemberian pinjaman dan mudah tunai pasaran. **Bank of England** (BoE) juga mengurangkan kadar pinjaman asas (BLR) sebanyak 50 mata asas untuk mencatat paras terendah sebanyak 0.5% pada bulan Mac dan mengumumkan program pembelian aset berjumlah £75 billion untuk menambah bekalan wang sepanjang tempoh 3 bulan. Selain itu, **Bank of Japan** juga mengumumkan rancangan untuk menambah hampir 30 peratus pembelian bulanan bon kerajaan daripada institusi perbankan sebagai sebahagian daripada strategi untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem.

Pada suku pertama, **harga minyak mentah**[1] pada awalnya menurun kepada paras paling rendah dalam tempoh dua bulan iaitu USD33.98 setong pada pertengahan bulan Februari disebabkan oleh keadaan permintaan global yang lemah serta inventori yang bertambah. Walau bagaimanapun, harga minyak kukuh untuk ditutup pada USD49.66 setong pada akhir suku itu disebabkan pelabur optimis bahawa ekonomi global telah mencecah paras terendah.

Di **rantau Asia**, ekonomi lebih terbuka termasuk Singapura, China Taipei, Korea dan

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

Hong Kong SAR mengalami kemelesetan yang lebih teruk berikutan kelemahan yang meluas dalam permintaan luaran manakala pertumbuhan ekonomi serantau lain merosot dengan ketara pada suku pertama. Pertumbuhan dalam beberapa ekonomi terus terjejas oleh ambilan inventori apabila syarikat terus mengurangkan pengeluaran dalam jumlah yang lebih besar berbanding dengan eksport. Berikutan prestasi eksport yang lebih lemah, pertumbuhan ekonomi RR China menjadi sederhana kepada 6.1% pada suku pertama (S4 08: 6.8%). Walau bagaimanapun, penunjuk ekonomi pada bulan Mac menunjukkan ada tanda-tanda peningkatan aktiviti ekonomi di RR China hasil daripada pelaksanaan rangsangan fiskal. Bagi menghadapi prospek ekonomi global yang makin buruk dalam keadaan tekanan inflasi semakin reda, bank-bank pusat di seluruh Asia telah mengurangkan kadar faedah antara 75 hingga 175 mata asas.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kebanyakan mata wang utama menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada tempoh Januari-Februari disebabkan terdapatnya peningkatan penghindaran risiko dalam kalangan pelabur berikutan meningkatnya tanda-tanda kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi-ekonomi maju. Euro turut terjejas sebahagiannya oleh kebimbangan mengenai impak krisis kewangan Eropah Timur yang mungkin muncul terhadap sektor kewangan Eropah. Walau bagaimanapun, kebanyakan mata wang utama mula stabil atau telah kukuh berbanding dengan dolar AS sejak bulan Mac memandangkan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko berikutan peningkatan pasaran ekuiti global. Di samping itu, mata wang serantau juga pada mulanya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS, disebabkan terdapat kebimbangan yang makin meningkat mengenai impak kejatuhan eksport dan pengeluaran perindustrian yang mendadak terhadap prospek pertumbuhan di rantau ini. Yang ketara, won Korea telah mencecah paras terendah dalam tempoh 11 tahun pada awal bulan Mac disebabkan oleh kebimbangan mengenai keupayaan sektor swasta Korea untuk membayar hutang luar negerinya. Walau bagaimanapun, apabila ekuiti global kukuh mulai bulan Mac, mata wang serantau turut kukuh memandangkan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko.

Melangkah ke hadapan, walaupun beberapa segmen pasaran kewangan telah menunjukkan kemajuan, prospek pertumbuhan global dijangka terus lemah meskipun terdapat tanda-tanda awal penstabilan sebilangan penunjuk-penunjuk ekonomi di beberapa negara. Namun begitu, pelaksanaan langkah-langkah rangsangan yang besar, serta langkah-langkah berterusan untuk memulihkan semula prestasi sektor kewangan telah meningkatkan prospek keadaan ekonomi global untuk menjadi stabil pada separuh kedua tahun ini.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008			2009	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	10.6	6.8	9.0	6.1	Pertumbuhan sederhana disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah tetapi terus didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan
Indonesia	6.3	5.2	6.1	4.4	Didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh
Korea	5.5	-3.4	2.2	-4.3[a]	Penguncupan pertumbuhan disebabkan oleh kejatuhan mendadak dalam penggunaan swasta, pelaburan dan eksport
Thailand	6.0	-4.2	2.6	-7.1	Penguncupan akibat sektor pembuatan
Hong Kong SAR	7.3	-2.6	2.4	-7.8	Penguncupan disebabkan permintaan dalam negeri dan luar negeri yang lebih lemah
Singapura	6.7	-4.2	1.1	-10.1	Disebabkan oleh penurunan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan
China Taipei	6.3	-8.6	0.1	-10.2[p]	Penguncupan disebabkan oleh kejatuhan eksport dan pelaburan swasta

[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan menguncup pada suku pertama

Ekonomi Malaysia menguncup 6.2% pada suku pertama 2009 (S4 08: 0.1%), iaitu penguncupan pertama kali sejak suku ketiga 2001, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam permintaan luar negeri dan permintaan dalam negeri yang menurun. Permintaan luar negeri merosot dengan ketara berikutan kemelesetan yang meruncing dalam beberapa ekonomi maju di samping pertumbuhan ekonomi serantau yang semakin perlahan. Permintaan dalam negeri menguncup disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih lemah. Perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi memberikan sedikit sokongan kepada ekonomi dalam negeri. Ambilan inventori yang besar, terutamanya dalam sektor perkilangan dan komoditi, juga menyumbang kepada kemerosotan pertumbuhan pada suku pertama. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mengalami penguncupan kecuali sektor pembinaan.

Permintaan dalam negeri menguncup

Permintaan dalam negeri mengalami penguncupan sebanyak 2.9% (S4 08: 2.8%) pada suku pertama. Sektor isi rumah dan perniagaan terus berhati-hati berikutan keadaan pasaran pekerja terus lemah dan permintaan eksport terus menguncup pada suku pertama. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam yang lebih besar memberikan sedikit sokongan kepada permintaan dalam negeri.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	9.8	2.8	6.8	-2.9
Penggunaan	11.8	7.1	9.0	-0.2
Sektor swasta	*11.3*	*5.3*	*8.5*	*-0.7*
Sektor awam	*14.1*	*12.7*	*10.9*	*2.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	4.6	-10.2	0.8	-10.8
Eksport Bersih	28.1	-39.5	-3.5	39.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*5.9*	*-13.3*	*1.3*	*-15.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*3.2*	*-10.2*	*1.9*	*-23.5*
KDNK	**7.4**	**0.1**	**4.6**	**-6.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta merosot sedikit, iaitu 0.7% pada suku pertama disebabkan perbelanjaan isi rumah terjejas oleh sentimen yang lemah dan pemberhentian pekerja yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor perkilangan. Perbelanjaan penggunaan swasta yang lemah dicerminkan oleh kebanyakan penunjuk penggunaan utama, iaitu penjualan makanan dan minuman, import barangan penggunaan dan jualan kereta penumpang baharu. Walau bagaimanapun, kesan daripada pelonggaran monetari, penyederhanaan harga barangan dan perkhidmatan serta perbelanjaan perayaan, terutamanya pada awal suku tersebut, telah memberikan sedikit sokongan kepada penggunaan swasta. Di samping itu, Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat kepada 78.9 mata pada suku pertama (S4 08: 71.4 mata), menunjukkan bahawa walaupun sentimen pengguna bertambah baik, namun mereka secara amnya masih berhati-hati.

Sementara itu, **penggunaan awam** terus berkembang untuk mencatat pertumbuhan

Sentimen perniagaan dan pengguna pesimistik



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

sebanyak 2.1% pada suku pertama, disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar merosot 10.8% pada suku pertama, mencerminkan terutamanya penguncupan lebih ketara dalam aktiviti pelaburan swasta lebih daripada mengimbangi perbelanjaan pembangunan awam yang lebih tinggi. Aktiviti pelaburan swasta terjejas oleh kemerosotan ketara dalam permintaan luar negeri yang menyebabkan keyakinan perniagaan lemah. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan bilangan syarikat baharu yang didaftarkan mencatat pertumbuhan negatif pada suku pertama, menunjukkan kelemahan berterusan dalam aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta. Di samping itu, keadaan perniagaan yang lebih lemah juga dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER, yang kekal di bawah nilai ambang 100 mata sejak separuh kedua 2008. Sementara itu, perbelanjaan modal sektor awam lebih tinggi pada suku pertama, mencerminkan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan impak kelembapan yang didorong oleh perkembangan luaran terhadap ekonomi dalam negeri. Perbelanjaan yang lebih tinggi tertumpu terutamanya pada pendidikan, pertanian dan pembangunan luar bandar.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	6.5	0.5	4.0	-4.3
Perlombongan	3.6	-5.7	-0.8	-5.2
Perkilangan	7.0	-8.8	1.3	-17.6
Pembinaan	5.3	-1.6	2.1	0.6
Perkhidmatan	8.4	5.7	7.2	-0.1
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**7.4**	**0.1**	**4.6**	**-6.2**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-1.5**	**-3.4**	**4.6**	**-7.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penguncupan dalam semua sektor ekonomi, kecuali sektor pembinaan

Mengikut sektor, kelemahan dapat dilihat dalam kesemua sektor ekonomi kecuali sektor pembinaan. Sektor perkilangan mencatat kemerosotan yang ketara berikutan permintaan luar negeri yang merosot dengan teruk serta keadaan dalam negeri yang lebih lemah. Sektor perkhidmatan hanya merosot sedikit disebabkan pertumbuhan yang lebih lemah dalam subsektor yang berkait rapat dengan sektor perkilangan dan aktiviti berkaitan perdagangan. Prestasi sektor pertanian terjejas oleh pengeluaran minyak sawit dan getah yang lebih lemah, manakala pertumbuhan sektor perlombongan terus lembap disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Sementara itu, sektor pembinaan pulih untuk mencatat pertumbuhan positif yang kecil, disokong oleh aktiviti dalam subsektor komersial dan kediaman.

Sektor perkhidmatan merosot sedikit

Sektor perkhidmatan merosot sedikit, iaitu 0.1% (S4 08: 5.6%) pada suku pertama, terjejas oleh persekitaran ekonomi yang makin mencabar. Khususnya, kemerosotan subsektor perkhidmatan yang berkait rapat dengan sektor perkilangan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan perdagangan.

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** mencatat penguncupan untuk pertama kali (-3.9%; S4 08: 1.0%) sejak suku ketiga 2003, dengan permintaan terhadap segmen kargo dan penumpang lebih lemah sejajar dengan aktiviti perdagangan dan aktiviti berkaitan pelancongan yang lebih perlahan. Subsektor **utiliti** mencatat penguncupan yang lebih ketara sebanyak 8.2% (S4 08: -2.6%) disebabkan permintaan terhadap elektrik yang lebih rendah oleh sektor perkilangan. Bagi suku ketiga berturut-turut subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** merosot, sejajar dengan aktiviti pasaran modal dan perniagaan am yang lebih perlahan pada suku tersebut.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** merosot 1.7% (S4 08: 5.9%), terutamanya disebabkan oleh aktiviti borong yang lebih perlahan serta penurunan penjualan kenderaan bermotor, mencerminkan pengguna berhati-hati dalam perbelanjaan untuk barangan tahan lama. Perbelanjaan runcit pengguna yang berterusan untuk barangan keperluan mengurangkan sedikit impak keseluruhan terhadap pertumbuhan.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2008 (%)	2008			2009
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**43.3**	**8.4**	**2.6**	**6.0**	**-0.7**
Kewangan & insurans	20.0	9.9	3.5	7.7	1.2
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	4.8	-0.6	1.5	-6.7
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	9.9	1.0	6.1	-3.9
Komunikasi	7.0	7.5	6.3	7.3	4.9
Perkhidmatan Akhir	**56.7**	**8.5**	**7.9**	**8.3**	**0.3**
Utiliti	5.3	4.7	-2.6	2.1	-8.2
Perniagaan borong & runcit	23.2	11.8	5.9	9.8	-1.7
Penginapan & restoran	4.4	10.0	7.4	7.3	2.1
Perkhidmatan Kerajaan	13.4	7.0	18.2	11.1	2.8
Perkhidmatan lain	10.4	5.0	5.3	5.2	5.2
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**8.4**	**5.7**	**7.2**	**-0.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2008				2009
	S1	S2	S3	S4	S1
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	115.5	70.6	88.9	71.4	78.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	106.1	94.5	116.5	52.7	52.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	120.3	107.5	109.2	94.0	78.1
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	1.2	3.9	8.2	7.5	2.2
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	13.1	6.8	2.7	2.1	-4.5
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	9.6	9.7	8.9	8.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	10.1	15.4	14.0	9.0	3.5
Import barangan penggunaan	5.6	21.3	16.2	4.5	-3.9
Jumlah jualan kenderaan bermotor	24.6	27.1	10.5	-8.3	-9.2
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.7	9.4	16.4	-3.9	-10.6

Sumber: Pelbagai sumber

Sementara itu, subsektor **kewangan dan insurans** mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.2% pada suku pertama (S4 08: 3.5%), disokong oleh pemberian pinjaman bank yang berterusan kepada sektor isi rumah dan perniagaan. Walau bagaimanapun, pendapatan berasaskan fi sistem perbankan terjejas oleh aktiviti pasaran modal yang lebih rendah. Dalam segmen insurans, pertumbuhan adalah mapan disebabkan oleh peningkatan berterusan premium insurans yang dikutip pada suku tersebut.

Subsektor **komunikasi** berkembang 4.9% (S4 08: 6.3%) disebabkan oleh permintaan terhadap perkhidmatan data dan suara terutamanya perkhidmatan jalur lebar terus menggalakkan, berikutan promosi yang agresif dan peluasan liputan oleh pembekal perkhidmatan internet. Subsektor **penginapan dan restoran** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.1% (S4 08: 7.4%), manakala pertumbuhan subsektor **perkhidmatan lain** mapan pada 5.2% (S4 08: 5.3%) hasil daripada permintaan terhadap pendidikan swasta dan perkhidmatan kesihatan yang lebih kukuh.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**7.0**	**-8.8**	**1.3**	**-17.6**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**8.7**	**-11.1**	**0.6**	**-21.6**
Industri berorientasikan eksport	**7.4**	**-13.4**	**-1.2**	**-23.1**
Elektronik dan barangan elektrik	**6.9**	**-22.5**	**-3.6**	**-41.4**
Antaranya:				
Elektronik	9.8	-27.8	-5.4	-44.0
Barangan Elektrik	0.1	-8.2	0.9	-34.9
Kumpulan barangan induk	**7.7**	**-6.8**	**0.4**	**-11.4**
Antaranya:				
Bahan kimia dan keluaran kimia	3.9	-15.0	-3.5	-18.6
Keluaran petroleum	17.2	2.0	5.9	2.9
Keluaran getah	6.8	2.1	4.7	-22.8
Pemprosesan luar estet	22.1	-0.2	9.4	-7.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**14.0**	**-2.0**	**8.0**	**-15.9**
Kumpulan barangan berkaitan pembinaan	**11.6**	**-8.3**	**4.3**	**-21.5**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	15.8	-10.7	3.2	-29.5
Keluaran logam yang direka	5.3	-4.4	6.1	-8.1
Kumpulan barangan pengguna	**15.9**	**3.1**	**11.0**	**-11.4**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	22.9	18.4	23.4	-15.9
Makanan, minuman & barangan tembakau	13.1	-2.3	7.4	-12.6

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mengalami penguncupan lebih ketara

Nilai ditambah sektor perkilangan merosot dengan ketara (-17.6%; S4 08: -8.8%) pada suku pertama, mencerminkan penurunan yang nyata dalam permintaan luar negeri dan keadaan dalam negeri yang lebih lemah.

Pengeluaran dalam industri berorientasikan eksport terus menguncup pada suku pertama, didorong oleh kemerosotan yang lebih ketara dalam **industri E&E** (-41.4%; S4 08: -22.5%), terutamanya pada dua bulan pertama suku tersebut. Khususnya, para pengilang mengurangkan pengeluaran serta ambilan inventori sebagai tindak balas terhadap penguncupan permintaan yang ketara, yang menyebabkan pengurangan keluaran yang berterusan dalam semua segmen industri E&E. Walau bagaimanapun, kadar penurunan pengeluaran menjadi sederhana pada bulan Mac, sejajar dengan tanda-tanda awal keadaan permintaan luar negeri yang kembali stabil.

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and Bank Negara Malaysia

Industri berkaitan keluaran utama juga terus lemah pada suku itu, apabila pengeluaran dalam semua segmen utama mengalami penguncupan. Khususnya, permintaan luar negeri yang terus lemah dan kelembapan segmen E&E dan kelengkapan pengangkutan telah mengakibatkan penurunan pengeluaran segmen keluaran bahan kimia dan keluaran plastik di samping industri keluaran getah. Kelemahan yang sama juga dilihat dalam segmen keluaran petroleum dan pemprosesan luar estet.

Industri berorientasikan dalam negeri merosot disebabkan oleh keluaran berkaitan pengguna dan bahan berkaitan pembinaan yang lemah. Dalam industri berkaitan pengguna, kemerosotan pertumbuhan dicatat dalam segmen kelengkapan pengangkutan dan keluaran makanan, sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih lemah. Sementara itu, prestasi bahan berkaitan pembinaan yang lembap adalah sejajar dengan aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan.

Dalam keadaan permintaan yang lemah, kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor pengeluaran menurun kepada 59% pada suku pertama (S4 08: 66%), dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 62% dan 53% daripada jumlah kapasiti (S4 08: masing-masing 67% dan 64%).

Komoditi merosot

Nilai ditambah **sektor pertanian** merosot 4.3% (S4 08: 0.5%) pada suku pertama disebabkan oleh keluaran minyak sawit dan getah yang lebih rendah. Pengeluaran minyak sawit menurun 3.9%, didorong terutamanya oleh hasil tandan buah segar (fresh fruit bunch, FFB) yang lebih rendah sebanyak 7.8%, sementara pengeluaran getah jatuh mendadak sebanyak 39.2%, disebabkan harga yang lebih rendah telah mengurangkan insentif kepada pekebun kecil untuk meningkatkan aktiviti penorehan. Ini diimbangi sedikit oleh peningkatan pengeluaran perikanan sebanyak 13.2%, berikutan permintaan

Prestasi Sektor Pertanian

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah				
(pada harga tahun 2000)	**6.5**	**0.5**	**4.0**	**-4.3**
Tanaman Industri	8.8	-3.1	2.9	-13.9
Tanaman Makanan	3.4	5.8	5.6	9.2
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	23.9	3.6	12.1	-3.9
Getah	-2.2	-29.7	-10.6	-39.2
Ikan	0.4	7.1	5.2	13.2
Ternakan	0.9	3.0	4.3	-4.6

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan, Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah				
(pada harga tahun 2000)	**3.6**	**-5.7**	**-0.8**	**-5.2**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	7.0	-5.6	2.0	-5.7
Gas asli	-1.2	-5.5	-4.9	-4.7

Sember: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

luar negeri yang kukuh terhadap keluaran sampingan akuakultur. Sementara itu, **sektor perlombongan** terus merosot 5.2% pada suku itu (S4 08: -5.7%), disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah (-5.7%) dan gas asli (-4.7%) yang lebih rendah.

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan positif

Nilai ditambah **sektor pembinaan** pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.6% (S4 08: -1.6%) disebabkan terutamanya oleh lebih banyak aktiviti pembinaan segmen ruang pejabat khususnya di Lembah Kelang dan juga segmen kediaman bernilai tinggi, khususnya kondominium mewah di Lembah Kelang dan Pulau Pinang. Sementara itu, aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam berkurang berikutan permulaan beberapa projek infrastruktur utama yang lewat sedikit daripada jangkaan.

Penunjuk Pembinaan

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-6.4	-47.8	-18.9	-25.5
Kelulusan perumahan	10.4	-53.8	-18.8	-30.2
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	11.6	-8.3	4.3	-21.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	74.4	-25.2	-1.7	-48.2
Import bahan pembinaan dan bahan galian	8.3	-10.0	2.8	-25.8[2]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Jan-Feb 2009

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Tekanan harga semakin sederhana

Kadar inflasi, seperti diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.7% pada suku pertama 2009 (S4 08: 5.9%). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh inflasi yang lebih sederhana dalam kategori makanan, dan juga minuman tanpa alkohol serta pengangkutan. Inflasi dalam kategori makanan dan juga minuman tanpa alkohol menurun kepada 9.2% (S4 08: 11.2%), dengan 10 daripada 11 komponen kecil mencatat kadar inflasi lebih rendah pada suku ini. Harga dalam kategori pengangkutan merosot 2.1% berbanding paras setahun yang lalu (S4 08: 6.6%). Ini mencerminkan bahawa harga bahan api runcit lebih rendah berbanding paras setahun yang lalu. Inflasi dalam kategori perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain juga menjadi sederhana kepada 1.6% (S4 08: 1.8%), mencerminkan pengurangan 2.5% dalam tarif elektrik bagi isi rumah yang berkuat kuasa pada 1 Mac. Inflasi terus menjadi sederhana kepada 3.0% pada bulan April.

Harga pengeluar, seperti diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), menurun 6.6% pada suku pertama 2009 (S4 08: -0.1%). Sebahagian besar penurunan harga pengeluar disebabkan oleh pembetulan ketara dalam harga komoditi sejak pertengahan 2008. Semua komponen IHPR berasaskan komoditi mencatat kemerosotan harga dua angka lalu menyebabkan komponen IHPR ini merosot dengan ketara sebanyak 19.4% (S4 08: -1.7%). Harga komponen IHPR bukan berasaskan komoditi pula menurun 0.7% (S4 08: 0.6%).

Dari segi komposisi, komponen tempatan dan import IHPR mencatat penurunan. Harga komponen tempatan IHPR menurun 8.5% (S4 08: 0%), manakala harga komponen import IHPR merosot 2.5% (S4 08: -0.2%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran pekerja terus lembap

Keadaan pasaran pekerja terus lembap pada suku pertama berikutan pemberhentian pekerja yang meningkat dan jumlah kekosongan jawatan yang berkurang. Jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada 12,590 orang (S4 08: 7,254 orang), dengan hampir 80% daripadanya ialah pekerja sektor perkilangan, khususnya industri elektrik dan elektronik (E&E) (45% daripada jumlah pemberhentian). Sementara itu, jumlah kekosongan yang dilaporkan dalam Bursa Buruh Elektronik menurun kira-kira 43,000 jawatan (kepada 221,876 jawatan; S4 08: 264,674 jawatan), mencerminkan kekosongan yang lebih rendah terutamanya dalam sektor perkilangan (-20,717 jawatan). Kecuali sektor pertanian, semua sektor ekonomi lain menawarkan jumlah kekosongan jawatan yang lebih rendah pada suku ini. Dalam pada itu, gaji dalam sektor perkilangan makin menurun, mencerminkan pengurangan tenaga kerja serta kesan pemberhentian sementara, potongan gaji dan pembayaran bonus yang lebih rendah. Pada suku ini, upah benar setiap pekerja merosot -1.6% (S4 08: -3.0%).

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Eksport dan import terus menguncup

Eksport kasar menguncup 20% pada suku pertama 2009, penguncupan paling besar pernah dicatat akibat penurunan ketara dalam permintaan daripada rakan

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perdagangan utama serta kejatuhan harga komoditi. Kemerosotan seterusnya dalam eksport perkilangan dan pelarasan inventori yang menyusulinya serta keadaan permintaan dalam negeri yang lebih lemah telah mengakibatkan penguncupan import yang lebih ketara sebanyak 28.9%. Imbangan perdagangan terus mencatat lebihan yang besar sebanyak RM32.7 bilion.

Pertumbuhan **eksport komoditi** bertukar negatif pada suku pertama sebagai mencerminkan kejatuhan harga dan penurunan permintaan terhadap komoditi utama kecuali LNG. **Eksport perkilangan** terus menguncup berikutan kemerosotan berterusan dalam permintaan luar terhadap

Akaun Perdagangan

	2008[1]			2009[1]
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**9.9**	**-7.5**	**9.6**	**-20.0**
Perkilangan	-1.9	-11.2	1.8	-18.0
E&E	*-12.2*	*-16.2*	*-3.4*	*-16.5*
Bukan E&E	*12.1*	*-4.3*	*8.9*	*-19.5*
Komoditi	55.4	6.1	38.4	-23.8
Pertanian	*61.2*	*-10.6*	*32.2*	*-28.1*
Mineral	*52.1*	*16.9*	*42.4*	*-21.1*
Import Kasar	**6.8**	**-12.2**	**3.3**	**-28.9**
Barangan modal	7.8	-13.4	0.0	-6.9
Barangan pengantara	9.0	-12.2	5.7	-34.9
Barangan penggunaan	5.6	4.5	11.8	-3.9
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**26.8**	**32.7**	**141.9**	**32.7**

[1]Pengelasan perdagangan Malaysia telah disemak pada bulan April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdangangan antarabangsa iaitu *Harmonised System* (HS), *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* (AHTN) dan *Standard International Trade Classification* (SITC)

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2008			2009	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**-17.5**	**-23.1**	**-12.7**	**-31.0**	**12.9**	**11.9**	**12.4**	**11.1**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**2.3**	**-14.2**	**-3.8**	**-28.0**	**11.9**	**11.6**	**11.3**	**10.7**
Negara ASEAN terpilih[2]	**13.9**	**-15.0**	**9.9**	**-26.8**	**26.7**	**24.2**	**25.6**	**24.4**
Negara Timur Laut Asia	**3.5**	**-18.3**	**10.9**	**-5.9**	**18.9**	**18.1**	**20.1**	**22.3**
Republik Rakyat China	*12.5*	*-18.4*	*19.2*	*-1.8*	*8.3*	*8.4*	*9.5*	*10.2*
Hong Kong SAR	*-13.7*	*-22.7*	*1.2*	*3.5*	*3.6*	*4.0*	*4.3*	*4.7*
China Taipei	*-4.5*	*-22.1*	*-1.4*	*-18.1*	*2.4*	*2.2*	*2.4*	*2.4*
Korea	*9.5*	*-9.9*	*12.4*	*-14.3*	*4.7*	*3.6*	*3.9*	*5.0*
Asia Barat	**25.5**	**29.3**	**38.0**	**-12.7**	**3.4**	**4.0**	**3.9**	**3.7**
India	**24.1**	**9.8**	**22.4**	**-14.9**	**3.5**	**4.0**	**3.7**	**3.7**
Jumlah eksport	**9.9**	**-7.5**	**9.6**	**-20.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 mulai tahun 2007
[2]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

keluaran E&E dan bukan E&E. Permintaan yang lebih rendah terhadap keluaran elektrik dari AS, EU, Jepun dan negara ASEAN mengakibatkan eksport keluaran elektrik menguncup lagi. Sementara itu, eksport elektronik menguncup pada kadar lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih baik terhadap separa konduktor, khususnya dari RR China, Hong Kong SAR, China Taipei dan Korea. Harga separa konduktor global yang lebih tinggi pada suku pertama turut menyokong pertumbuhan eksport separa konduktor. Penguncupan berterusan dalam eksport keluaran bukan E&E secara amnya meluas, mencerminkan kesan harga komoditi yang turun mendadak dan permintaan luar yang lebih rendah, khususnya dari Singapura, Hong Kong SAR, Korea dan China Taipei. Penurunan eksport kimia dan keluaran kimia, keluaran petroleum dan keluaran kayu merupakan faktor penyumbang utama kepada kemerosotan keluaran berasaskan sumber.

Import kasar merosot dengan nyata pada suku pertama, dengan kesemua kategori utama import mencatat kemerosotan. **Import barangan pengantara** mencatat penurunan paling ketara berikutan penguncupan yang besar dalam eksport perkilangan dan langkah pelarasan inventori yang menyusulinya.

Import barangan penggunaan bertukar negatif kerana sikap pengguna yang lebih berhati-hati dan berhemat dalam perbelanjaan mereka. Namun, import barangan penggunaan bertukar positif pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh import makanan dan minuman serta barangan tak tahan lama. Import **barangan modal** menguncup lebih perlahan pada kadar 6.9% pada suku pertama. Walau bagaimanapun, tidak termasuk barangan import besar, import barangan modal mencatat penguncupan lebih besar sebanyak 16%, mencerminkan aktiviti pelaburan swasta yang lebih lembap.

Aliran masuk FDI lebih rendah, manakala aliran keluar dana portfolio terus sederhana

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)[2] berjumlah RM6.4 bilion pada suku pertama 2009 (S4 08: RM9 bilion), mencerminkan aliran masuk modal ekuiti dan ambilan pinjaman antara syarikat. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih berjumlah RM2.1 bilion (S4 08: RM3.4 bilion). Pada suku pertama, FDI bersih disalurkan

[2] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

terutamanya kepada sektor perkilangan, diikuti sektor perkhidmatan serta minyak dan gas. Sebahagian besar FDI dalam sektor perkilangan adalah untuk pelaburan dalam industri E&E, sel solar dan logam asas. Sementara itu, FDI dalam sektor perkhidmatan sebahagian besarnya disalurkan kepada subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit serta pengangkutan.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia juga lebih rendah, mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3 bilion pada suku pertama 2009 (S4 08: -RM8.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah. Sejumlah besar pelaburan luar negeri adalah dalam sektor perkhidmatan, terutamanya bagi pemerolehan milikan strategik dalam sebuah bank dan sebuah loji jana kuasa di rantau ini. Pelaburan dalam subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit juga berterusan. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan disalurkan terutamanya kepada industri E&E dan industri berasaskan petroleum.

Aliran keluar bersih **pelaburan portfolio** menjadi sederhana kepada RM9.5 bilion (S4 08: -RM24.8 bilion), mencerminkan terutamanya penjualan bersih ekuiti dan sekuriti hutang yang lebih rendah oleh pelabur asing. Meskipun sentimen pelabur masih lagi berhati-hati pada sebahagian besar suku pertama, sentimen mereka menjadi lebih baik pada dua minggu terakhir bulan Mac. Perubahan ini disebabkan terutamanya oleh jangkaan bahawa keadaan pasaran kewangan global akan menjadi stabil dan dengan itu membantu pemulihan ekonomi global. Ini telah menyebabkan pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko aset kewangan dalam pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Perkembangan di dalam negeri pula menunjukkan bahawa pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua oleh Kerajaan juga telah membantu mengukuhkan sentimen pelabur. Aliran keluar bersih pelaburan portfolio adalah lebih sederhana lantas mencatat aliran masuk bersih pada bulan Mei.

Hutang luar negeri terus terurus

Pada akhir bulan Mac 2009, **hutang luar negeri** Malaysia berjumlah RM243.8 bilion atau USD66.1 bilion (akhir 2008: RM236.2 bilion atau USD67.4 bilion) yang bersamaan dengan 35.1% daripada Pendapatan Negara Kasar. Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat kepada RM159.5 bilion, mencerminkan terutamanya penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS pada suku pertama (+RM5.7 bilion) yang telah lebih daripada mengimbangi pembayaran balik bersih sektor awam dan swasta. Dalam sektor awam, Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) mencatat pembayaran balik bersih masing-masing pada RM0.6 bilion dan RM1.7 bilion. Sementara itu, sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih (-RM1.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat.

Jumlah hutang luar negeri jangka pendek berjumlah RM84.3 bilion atau USD22.9 bilion disebabkan terutamanya oleh aktiviti peminjaman antara bank. Pada akhir bulan Mac 2009, hutang jangka pendek mencakupi 34.6% daripada jumlah hutang luar negeri dan 26.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008		2009
	S1	S4	S1[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	131.9	156.5	159.5
Sektor awam	74.2	83.4	85.1
Sektor swasta	57.7	73.1	74.4
Hutang jangka pendek[1]	84.5	79.6	84.3
Jumlah hutang luar negeri	216.3	236.2	243.8
- bersamaan USD bilion	67.0	67.4	66.1

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM320.7 bilion (bersamaan dengan USD87.8 bilion) pada 31 Mac 2009. Paras rizab ini mengambil kira pelarasan suku tahunan keuntungan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku pertama. Pada 15 Mei 2009, rizab berjumlah RM321.5 bilion (bersamaan dengan USD88 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan merupakan 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dasar fiskal terus mengembang

Perbelanjaan fiskal Kerajaan Persekutuan terus menghasilkan kesan pengembangan pada suku pertama dengan mencatat defisit sebanyak RM6.7 bilion atau 4.3% daripada KDNK. Perbelanjaan pembangunan suku pertama meningkat 55.4% pada asas tahunan (S1 08: -0.3%). Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya kepada pembangunan pertanian dan luar bandar, dan juga sektor pendidikan. Pada tempoh ini, perbelanjaan mengurus adalah terutamanya untuk bayaran bagi bekalan dan perkhidmatan, dan geran serta pindahan kepada badan berkanun. Dalam pada itu, jumlah hasil masih lagi menggalakkan hasil daripada pendapatan pelaburan dan kutipan cukai jualan yang lebih tinggi. Defisit fiskal dibiayai oleh peminjaman domestik. Pada akhir bulan Mac 2009, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM317.1 bilion atau 45.9% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	28.0	46.3	159.8	35.9
% pertumbuhan	15.4	-3.9	14.2	28.3
Perbelanjaan mengurus	30.4	48.9	153.5	34.4
% pertumbuhan	40.3	13.8	24.7	12.9
Akaun semasa	**-2.5**	**-2.6**	**6.3**	**1.5**
% daripada KDNK	***-1.4***	***-1.4***	***0.9***	***1.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.3	16.0	42.8	8.2
% pertumbuhan	-0.3	-12.0	5.6	55.4
Imbangan keseluruhan	**-7.7**	**-18.2**	**-35.6**	**-6.7**
% daripada KDNK	***-4.4***	***-10.3***	***-4.8***	***-4.3***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	35.7	64.9	196.3	42.6
% pertumbuhan	32.3	6.2	20.0	19.2
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	275.1	306.4	306.4	317.1
% daripada KDNK	37.2	41.5	41.5	45.9
Hutang dalam negeri	256.8	286.1	286.1	297.0
% daripada KDNK	34.8	38.7	38.7	43.0
Hutang luar negeri	18.2	20.3	20.3	20.2
% daripada KDNK	2.5	2.8	2.8	2.9

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah diturunkan sejajar dengan pengurangan OPR

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan sebanyak 75 mata asas pada bulan Januari 2009, dan sebanyak 50 mata asas lagi pada bulan Februari 2009. Bagi mengurangkan kos pengantaraan, Keperluan Rizab Berkanun turut dikurangkan serentak sebanyak 150 dan 100 mata asas masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2009. Rangsangan monetari telah dilaksanakan lebih awal untuk menyokong permintaan dalam negeri berikutan peningkatan risiko pertumbuhan yang lebih rendah dalam persekitaran tekanan inflasi yang semakin reda. OPR kekal tidak berubah pada bulan April sejajar dengan penilaian bahawa langkah-langkah dasar monetari terkumpul adalah mencukupi untuk menyokong permintaan dalam negeri.

Kadar antara bank didagangkan dalam tiga julat berbeza pada suku pertama sebagai mencerminkan kadar OPR semasa. Pada tempoh 1 – 21 Januari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman ialah 3.25%. Berikutan penurunan OPR kepada 2.50% pada 21 Januari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menurun dan kemudiannya menjadi stabil pada julat lebih rendah 2.49% - 2.51% pada tempoh 22 Januari – 24 Februari. Susulan pengurangan OPR selanjutnya kepada 2.00% pada 24 Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menurun dan menjadi stabil pada julat lebih rendah 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga lebih rendah sejajar dengan penurunan dalam OPR.

Penurunan terkumpul OPR telah dengan pantas menyebabkan penurunan ketara terhadap kadar pinjaman runcit. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan menurun sebanyak 119 mata asas dan mengakhiri suku pertama pada aras paling rendah dalam sejarah iaitu 5.53% (akhir bulan Disember 2008: 6.48%). Oleh itu, pinjaman sedia ada dengan kadar

Kadar Faedah

	2008		2009
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.25	2.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.50	3.25	2.00
1 bulan	3.55	3.30	2.06
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.48	5.53
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.21	5.86	5.16
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.14	3.04	2.04
12 bulan	3.70	3.50	2.52

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang berlainan telah dikenakan kadar yang lebih rendah. Pinjaman baharu yang dibuat juga dikenakan kadar lebih rendah selepas penurunan OPR. Hasilnya, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun kepada kadar terendah dalam sejarah iaitu 5.16% pada bulan Mac 2009, berbanding dengan 5.86% pada akhir bulan Disember 2008.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan juga menurun pada suku pertama. Pada akhir bulan Mac, kadar FD disebut purata dengan tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan masing-masing dalam lingkungan 2.02% hingga 2.52%.

M3 meningkat pada kadar lebih sederhana

Jumlah agregat monetari mencatat pertambahan tahunan lebih perlahan pada suku pertama, trend yang wujud sejak akhir tahun 2008. Pertumbuhan lebih perlahan ini adalah susulan kegiatan ekonomi yang lebih sederhana. Wang secara kecil atau M1 menurun sebanyak RM3.2 bilion pada suku ini. Pada asas tahunan, M1 meningkat pada kadar tahunan yang kecil sebanyak 3.5% (akhir bulan Disember 2008: 8.2%). Wang secara luas atau M3 turut berkembang pada kadar tahunan lebih rendah, iaitu 7.3% pada akhir bulan Mac 2009 (akhir bulan Disember 2008: 11.9%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM17.7 bilion.

Berbeza dengan tempoh yang sama tahun lepas, pertumbuhan M3 suku pertama didorong terutamanya oleh faktor domestik. Pemangkin utama pertumbuhan monetari ialah perbelanjaan Kerajaan yang kukuh, yang dibiayai sebahagian besarnya oleh langganan bon Kerajaan oleh institusi perbankan. Aset asing bersih turut bertambah berbanding suku tahun sebelumnya, selepas merosot dua suku tahun berturut-turut. Ini mencerminkan aliran masuk asing bersih hasil daripada perolehan eksport yang mempunyai kesan pengembangan terhadap wang secara luas.

Mudah Tunai Terkumpul Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	51.6	18.9	98.9	17.6
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	0.9	23.1	33.4	5.9
Tuntutan terhadap sektor swasta	17.2	18.3	94.2	5.0
Pinjaman	*16.7*	*11.2*	*76.9*	*4.5*
Sekuriti	*0.5*	*7.1*	*17.3*	*0.5*
Aset asing luar bersih[1]	45.8	-37.6	-46.1	3.8
BNM	*52.5*	*-48.6*	*-12.4*	*-4.3*
Sistem perbankan	*-6.7*	*11.0*	*-33.7*	*8.1*
Pengaruh lain	-12.2	15.1	17.4	3.0

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta terus mapan pada suku pertama

Pembiayaan ekonomi terus mencukupi dan dapat diakses oleh semua segmen ekonomi. Mudah tunai dalam sistem kewangan masih mencukupi untuk menyokong permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM157.3 bilion pada suku pertama (purata suku tahunan sebanyak RM157.5 bilion pada tempoh tahun 2006 - 2008). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat 10.7% pada akhir bulan Mac (akhir 2008: 12.7%).

Berikutan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan pada suku pertama, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan merosot. Ini sebahagian besarnya mencerminkan keperluan terhadap modal kerja yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan juga sektor borong dan runcit, restoran dan hotel. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan iaitu 9.5% pada akhir bulan Mac (akhir 2008: 13.2%). Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pembiayaan baharu terus mapan kerana permohonan pinjaman daripada perusahaan perniagaan bertambah sedikit berbanding dengan suku sebelumnya.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Namun, pembiayaan kepada sektor isi rumah masih lagi menggalakkan. Semua penunjuk pinjaman meningkat berbanding dengan suku sebelumnya. Permohonan pinjaman yang bertambah menggambarkan permintaan yang lebih tinggi untuk tujuan pembelian harta kediaman dan penggunaan kad kredit. Pengeluaran pinjaman juga bertambah pada suku pertama dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pembelian harta kediaman dan perbelanjaan kad kredit. Oleh itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM5.4 bilion dan meningkat pada kadar tahunan yang mapan iaitu 8.8% pada akhir bulan Mac (akhir 2008: 9.1%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2008	S1 08	S4 08	S1 09	2008	S4 08	S1 09
Jumlah pembiayaan kasar	**688.3**	**159.4**	**167.1**	**157.4**	**6.1**	**-8.5**	**-1.3**
Pengeluaran pinjaman*	639.9	151.5	157.9	148.2	11.2	5.3	-2.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.9	6.5	9.0	9.0	-35.5	-68.9	39.1
Ekuiti	5.5	1.4	0.2	0.1	-23.1	-94.2	-89.3
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**110.1**	**22.8**	**16.1**	**7.8**	**12.7**	**12.7**	**10.7**
Sistem perbankan	87.2	17.2	15.0	8.6	12.4	12.4	10.9
Pinjaman terkumpul (A)	*82.3*	*17.4*	*13.8*	*7.3*	*12.8*	*12.8*	*10.9*
Pegangan PDS	*4.9*	*-0.1*	*1.1*	*1.3*	*8.6*	*8.6*	*11.1*
PDS terkumpul (B)	27.8	5.5	2.3	0.5	12.4	12.4	9.9
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	49.7	10.0	9.0	9.3	-28.4	-68.9	-7.4

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2008	S1 08	4Q 08	S1 09	2008	1Q 08	4Q 08	S1 09
Jumlah								
Permohonan pinjaman	475.5	111.0	102.5	108.1	3.9	32.9	-21.9	-2.6
Kelulusan pinjaman	291.8	71.7	61.6	58.9	-2.3	35.0	-30.0	-17.8
Pengeluaran pinjaman	639.9	151.5	157.9	148.2	11.2	17.2	5.3	-2.2
Bayaran balik pinjaman	567.7	138.9	143.4	138.0	9.4	17.7	-6.8	-0.7
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	82.3	17.4	13.8	7.3	12.8	10.0	12.8	10.9
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	244.3	55.4	51.3	52.0	-7.0	23.4	-33.6	-6.1
Kelulusan pinjaman	147.9	38.1	29.5	26.1	-18.5	27.6	-48.0	-31.5
Pengeluaran pinjaman	455.3	106.4	112.6	100.8	12.2	17.8	7.1	-5.2
Bayaran balik pinjaman	402.8	97.5	101.9	93.5	8.8	19.4	-11.4	-4.1
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	34.4	7.7	-1.4	-1.2	13.2	11.2	13.2	9.5
PKS**								
Permohonan pinjaman	100.3	24.1	19.9	20.2	1.2	18.1	-23.5	-16.1
Kelulusan pinjaman	54.0	12.8	11.5	8.9	-2.0	19.4	-17.0	-30.6
Pengeluaran pinjaman	164.3	39.9	39.6	34.7	16.0	20.8	5.2	-13.1
Bayaran balik pinjaman	146.6	36.0	36.1	32.3	15.6	22.8	4.5	-10.4
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	10.6	4.3	0.0	-6.8	9.3	9.7	9.3	-0.4
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	144.0	31.3	31.4	31.8	-11.9	27.7	-38.7	1.6
Kelulusan pinjaman	93.9	25.3	18.0	17.2	-25.7	32.2	-58.0	-32.0
Pengeluaran pinjaman	291.0	66.5	73.0	66.2	10.2	16.0	8.2	-0.5
Bayaran balik pinjaman	256.2	61.4	65.8	61.2	5.2	17.5	-18.2	-0.3
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	23.8	3.3	-1.5	5.6	16.2	12.5	16.2	17.3
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	231.2	55.6	51.2	56.1	18.6	43.9	-5.1	0.9
Kelulusan pinjaman	143.9	33.6	32.1	32.8	22.9	44.4	2.8	-2.2
Pengeluaran pinjaman	184.6	45.1	45.4	47.3	8.9	16.0	1.0	4.9
Bayaran balik pinjaman	164.9	41.5	41.5	44.4	11.1	13.9	7.0	7.2
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	32.5	6.2	7.9	5.4	9.1	8.2	9.1	8.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2008	S1 08	S4 08	S1 09		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**455.3**	**106.4**	**112.6**	**100.8**	**68.0**	**40.1**
Syarikat besar	*291.0*	*66.5*	*73.0*	*66.2*	*44.6*	*24.1*
*PKS**	*164.3*	*39.9*	*39.6*	*34.7*	*23.4*	16.1
Isi rumah	**184.6**	**45.1**	**45.4**	**47.3**	**32.0**	**53.6**
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	16.1	3.7	3.9	4.2	2.8	2.3
Perlombongan dan kuari	2.3	0.5	0.5	0.7	0.5	0.3
Perkilangan	151.5	36.2	34.9	30.2	20.4	10.4
Pembinaan	34.7	9.3	8.0	8.7	5.8	4.8
Harta tanah	16.5	4.1	4.7	5.2	3.5	3.7
Bekalan elektrik, gas dan air	2.6	0.8	1.0	1.0	0.7	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	113.9	25.2	27.5	24.5	16.5	8.1
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	17.8	2.7	3.3	5.6	3.8	3.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	57.6	14.3	15.0	11.4	7.7	6.7
Kredit penggunaan	121.8	30.1	29.0	31.2	21.0	22.5
Antaranya:						
Kad kredit	*61.0*	*15.5*	*15.3*	*16.7*	*11.3*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*37.4*	*9.0*	*8.0*	*8.5*	*5.8*	*14.8*
Jumlah	**639.9**	**151.5**	**157.9**	**148.2**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal berterusan

Pada suku pertama, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM11.6 bilion (S4 08: RM14.3 bilion). Kebanyakan dana telah diperoleh sektor awam lantaran mencerminkan dasar fiskal Kerajaan yang mengembang. Dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3.5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10.5 tahun serta pembukaan semula MGS 5 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan besar, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM10.8 bilion.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Oleh Sektor Awam	**10,633**	**13,859**	**36,188**	**10,806**
Sekuriti kerajaan, bersih	10,633	14,865	37,720	8,811
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*14,283*	*11,965*	*44,618*	*20,477*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*2,000*	*7,500*	*16,500*	*6,000*
Tolak: Penebusan	*5,650*	*4,600*	*23,399*	*17,666*
Bon Khazanah, bersih	-	(1,000)	(3,000)	-
Bon Simpanan Merdeka, bersih	-	(6)	1,468	1,995
Oleh Sektor Swasta	**2,082**	**451**	**21,114**	**842**
Saham	1,356	222	5,477	144
Sekuriti hutang, bersih	726	229	15,637	698
Sekuriti Hutang Swasta	*9,996*	*8,953*	*49,658*	*9,257*
Cagamas	-	-	-	-
Tolak: Penebusan	*9,270*	*8,724*	*34,021*	*8,559*
Jumlah	**12,715**	**14,310**	**57,302**	**11,649**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana kasar yang diperoleh melalui terbitan PDS pada suku pertama meningkat sedikit, iaitu sebanyak RM9.3 bilion (S4 08: RM9 bilion). Pada bulan Januari, penerbit menangguhkan terbitan bon mereka kerana menjangka Bank Negara Malaysia akan menurunkan OPR. Namun, aktiviti terbitan giat kembali dalam bulan-bulan berikut suku pertama 2009 selepas penurunan OPR, dan apabila kadar hasil PDS menjadi stabil. Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran PDS turut disokong oleh beberapa terbitan besar oleh

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

entiti berkaitan Kerajaan. Dalam tempoh ini, kebanyakan dana diperoleh syarikat dalam sektor pembinaan serta kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. PDS diterbitkan terutamanya untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am (48.5%) serta pembiayaan semula (37.5%).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti masih lagi kecil berjumlah RM144 juta (S4 08: RM222 juta) dalam keadaan sentimen pasaran yang lembap. Dana diperoleh melalui tawaran jualan terhad (restricted offers for sale).

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih rendah

Jumlah urus niaga pasaran sekunder merosot kepada RM131.2 bilion pada suku pertama (S4 08: RM165.8 bilion). Sekuriti Kerajaan (iaitu

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

MGS dan GII) mencakupi 91% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, MGS merupakan kertas paling cair dan mencatat nisbah kecairan 0.53, diikuti GII, dengan nisbah kecairan 0.16.

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada awal suku pertama, kadar hasil MGS menunjukkan trend menurun lantaran jangkaan penurunan OPR. Berikutan keputusan untuk menurunkan OPR pada 21 Januari, trend kadar hasil terus menurun. Walau bagaimanapun, kadar hasil mula meningkat pada bulan Februari kerana pelabur menjangkakan penawaran MGS yang lebih besar pada tahun ini berikutan berita mengenai rancangan Kerajaan untuk menyediakan rangsangan fiskal tambahan. Kadar hasil seterusnya menurun sedikit apabila OPR diturunkan lagi pada 24 Februari. Susulan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua dan kalendar lelongan sekuriti Kerajaan, kadar hasil menjadi stabil apabila pelabur lebih memahami tentang terbitan Kerajaan. Pada akhir bulan Mac, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat 50 dan 61 mata asas. Namun, kadar hasil MGS 3 tahun jatuh 6 mata asas kerana pelabur lebih berminat dengan MGS bertempoh lebih pendek yang juga lebih cair. Hasilnya, cerun keluk kadar hasil menjadi makin curam.

KLCI menurun sedikit pada suku pertama

KLCI mengakhiri suku pertama pada aras lebih rendah iaitu 872.6 mata (S4 08: 876.8 mata), sejajar dengan prestasi beberapa pasaran utama. Kebimbangan akan keadaan ekonomi global dan penunjuk ekonomi serantau dan dalam negeri yang lebih lembap menjejaskan prestasi KLCI. Namun, sentimen dalam negeri menjadi lebih baik menjelang akhir suku pertama berikutan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua dan perkembangan positif dalam pasaran global. Permodalan pasaran menurun kepada

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (31 Disember 2008 - 31 Mac 2009)



Sumber: Bloomberg

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2008			2009
	S1	S4	Tahun	S1
Indeks Harga				
Komposit	1,247.5	876.8	876.8	872.6
FBM30[1]	8,232.9	5,637.7	5,637.7	5,598.5
FBMEMAS[2]	8,423.7	5,726.5	5,726.5	5,701.1
FTSE Papan Kedua	5,884.6	4,007.3	4,007.3	3,872.4
FTSE Mesdaq	4,923.2	3,333.6	3,333.6	2,942.7
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	930.4	610.1	630.4	454.5
Nilai (RM juta)	2,035.2	907.3	1,277.9	688.4
Permodalan pasaran (RM billion)	952.3	663.8	663.8	662.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	989	977	977	969

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia EMAS Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2008						2009	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	53,962	118,044	36,605	54,438	154,459	313,083	26,360	39,927
Antaranya:								
Papan Utama	36,488	111,552	31,273	53,316	119,303	301,289	22,657	39,075
Antaranya:								
Produk Pengguna	931	3,622	946	2,478	3,671	11,973	675	2,096
Produk Industri	3,409	7,002	7,609	5,450	17,865	23,704	3,798	2,401
Pembinaan	4,722	13,820	3,076	3,967	14,119	30,070	2,508	2,936
Dagangan/Khidmat	10,383	38,521	9,327	20,377	35,826	106,698	8,261	14,423
Kewangan	3,391	21,975	2,652	10,190	10,846	59,459	1,903	8,095
Harta Benda	4,234	5,027	3,044	1,805	12,832	12,076	2,984	1,895
Perladangan	2,262	13,866	2,011	6,284	7,524	39,238	1,085	4,332
Infrastruktur	1,148	3,671	787	2,170	3,398	10,713	629	2,405
Papan Kedua	4,098	3,038	2,276	739	10,761	6,521	1,647	498
Mesdaq	5,621	2,438	1,686	294	11,239	3,921	798	193

Sumber: Bursa Malaysia

RM662.1 bilion (S4 08: RM663.8 bilion) dan aktiviti urus niaga menjadi sederhana dengan urus niaga purata harian pada 454.5 juta unit (S4 08: 610.1 juta unit).

Pada 26 Mei 2009, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,051.6 mata (sejak akhir 2008: +19.9%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM805.6 bilion (sejak akhir 2008: +21.4%).

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.0% pada suku pertama. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit lebih kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.3%) dan euro (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-4.2%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Dari segi prestasinya, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS menjelang awal tahun 2009 disebabkan ketidaktentuan yang berlarutan dalam pasaran kewangan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2009)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 08	S4 08	S1 09	21 Jul 05	S1 08	S4 08
Dolar AS	3.8000	3.1875	3.4640	3.6470	4.2	-12.6	-5.0
Euro	4.6212	5.0369	4.8759	4.8348	-4.4	4.2	0.9
Paun sterling	6.6270	6.3586	4.9989	5.2203	26.9	21.8	-4.2
100 yen Jepun	3.3745	3.1912	3.8327	3.7091	-9.0	-14.0	3.3
Dolar Singapura	2.2570	2.3102	2.4070	2.4008	-6.0	-3.8	0.3
100 baht Thai	9.0681	10.108	9.9398	10.266	-11.7	-1.5	-3.2
100 peso Filipina	6.8131	7.6421	7.2774	7.5343	-9.6	1.4	-3.4
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0346	0.0316	0.0315	22.7	9.9	0.6
100 won Korea	0.3665	0.3211	0.2750	0.2630	39.3	22.1	4.6
Renminbi China	0.4591	0.4545	0.5076	0.5335	-13.9	-14.8	-4.9

*(+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

antarabangsa dan kelembapan ekonomi global telah menjejaskan sentimen dan meneruskan penghindaran risiko oleh para pelabur. Walau bagaimanapun, ringgit menjadi stabil pada bulan Mac berikutan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko terhadap aset kewangan dalam pasaran sedang pesat membangun berikutan langkah dasar tambahan yang lebih bersepadu untuk menangani krisis ekonomi dan kewangan dalam ekonomi maju. Sentimen pelabur turut disokong oleh tanda-tanda awal kestabilan dalam beberapa penunjuk ekonomi AS. Di dalam negeri pula, ringgit juga mendapat manfaat daripada reaksi pasaran yang positif terhadap Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang diumumkan pada 10 Mac. Pada tempoh 1 – 26 Mei 2009, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (4.5%) dan yen Jepun (0.5%). Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-5.8%) dan euro (-0.9%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand dalam julat 1.2% hingga 4.4%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, won Korea dan dolar Singapura dalam julat 0.4% hingga 6.9%.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus berdaya tahan disokong oleh permodalan yang kukuh dan kualiti kredit yang stabil. Meskipun keberuntungan menjadi sederhana disebabkan oleh keadaan dalam ekonomi, kedudukan kewangan sistem perbankan terus teguh dan sokongan mudah tunai yang mencukupi untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Pada akhir bulan Mac 2009, nisbah modal wajaran risiko terus kukuh pada 13.4%, manakala nisbah modal teras meningkat 0.9 mata asas kepada 11.5%. Nisbah modal yang lebih kukuh ini adalah hasil daripada usaha memperoleh modal oleh sebilangan institusi perbankan untuk meningkatkan kedudukan modal masing-masing. Sementara itu, modal berlebihan berjumlah RM44.6 bilion.

Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.8 bilion pada suku pertama 2009. Pulangan aset dan ekuiti purata berasaskan kadar tahunan masing-masing pada 1.7% dan 19.9%.

Sistem Perbankan

	S1 08	S4 08	S1 09
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	833.8	909.6	884.9
Modal asas (RM bilion)	111.3	115.2	118.9
RWCR (%)	13.3	12.7	13.4
CCR (%)	10.4	10.6	11.5
Keuntungan sebelum cukai	5,658.1	5,039.0	4,784.3
Nisbah pulangan atas ekuiti	23.4	18.5	19.9
Nisbah pulangan atas aset	1.8	1.5	1.7

Kualiti portfolio pinjaman berjaya dikekalkan meskipun dalam persekitaran yang mencabar. Tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) kasar mencatat penurunan kecil sebanyak 4% disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam paras NPL sektor perniagaan, manakala nisbah NPL bersih menjadi stabil pada 2.2% pada suku pertama 2009. Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap risiko kredit masih lagi mencabar terutamanya pada separuh tahun kedua berikutan kesan tersusul NPL (lagging behaviour).

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar

	%		
	S1 08	S4 08	S1 09
NPL bersih (RM juta)	19,042.9	15,897.3	16,029.1
Nisbah NPL bersih	3.0	2.2	2.2
Nisbah NPL kasar	6.1	4.8	4.6
Sektor perniagaan (tidak termasuk PKS)	7.9	6.3	5.9
PKS	8.4	6.8	6.8
Isi rumah	5.0	4.2	4.1

Sistem Perbankan: Pinjaman Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Namun, kemungkinan meningkatnya tunggakan pinjaman dijangka terurus memandangkan langkah komprehensif dan langkah awalan yang dilaksanakan untuk memudahkan penyusunan semula dan juga memastikan akses kepada pembiayaan adalah berterusan. Ini termasuk penubuhan Danajamin Nasional Berhad, dana khas PKS, Skim Jaminan Pinjaman Penyusunan Semula Industri, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat yang diaktifkan semula, dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Kesemua inisiatif ini turut disokong oleh usaha proaktif institusi perbankan untuk meningkatkan hubungan dengan peminjam dan juga membantu peminjam yang berkemungkinan menghadapi masalah kewangan melalui penyusunan dan penjadualan semula pinjaman.

Pada suku pertama 2009, pendedahan institusi perbankan kepada risiko kadar faedah, yang membentuk komponen utama risiko pasaran, meningkat lantaran bertambahnya pendedahan dalam swap

kadar faedah. Risiko kadar faedah, seperti ditunjukkan oleh kedudukan wajaran bertempoh, masih terurus dan mencakupi 6.2% daripada modal asas. Pendedahan kepada risiko pertukaran asing, yang sebahagian besarnya didenominasikan dalam dolar AS, masih kecil pada tahap 4.7% daripada modal asas. Tahap risiko pasaran dijangka terus rendah hasil langkah perlindungan nilai dan pengurusan proaktif institusi kewangan terhadap pendedahan kadar faedah mereka.

Sistem Perbankan: Risiko Pasaran

	S1 08	S4 08	S1 09
Kedudukan bersih wajaran durasi (RM juta)	4,967	4,371	6,373
% daripada modal asas	5.0	4.4	6.2
Kedudukan terbuka bersih (RM juta)	4,720	6,219	5,607
% daripada modal asas	4.3	5.2	4.7

Penampan mudah tunai sistem perbankan pada bulan Mac 2009 bagi kelompok kematangan sehingga satu bulan adalah lebih daripada mencukupi pada 19.9% daripada jumlah deposit (S4 08: 16.6%). Dalam pada itu, lebihan yang diunjurkan bagi sektor perbankan meningkat kepada RM128.5 bilion (S4 08: RM116.8 bilion) bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan RM168.7 bilion (S4 08: RM138.5 bilion) bagi kelompok kematangan sehingga satu bulan. Jumlah ini mencukupi untuk memenuhi permintaan pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Nisbah pinjaman berbanding deposit terus stabil pada 73.7% pada bulan Mac 2009.

Sistem Perbankan: Ketakpadanan Mudah Tunai kepada Nisbah Jumlah Deposit



Source: Bank Negara Malaysia

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Kedudukan sektor insurans dan takaful terus kukuh, disokong oleh aras modal yang teguh. Premium dan caruman adalah menggalakkan lantas menyumbang kepada tahap keberuntungan yang sederhana. Namun, perkembangan dalam pasaran modal terus memberikan tekanan terhadap keberuntungan.

Nisbah Kecukupan Modal adalah pada 211.3% pada akhir bulan Mac 2009 (S4 08: 187.6%). Ekuiti pemegang saham meningkat kepada RM14.5 bilion (S1 08: RM13.4 bilion) disebabkan usaha memperoleh modal oleh beberapa penanggung insurans.

Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan menjadi sederhana kepada RM2.1 bilion pada suku pertama 2009, sebahagiannya disebabkan oleh pembayaran bersih manfaat polisi yang lebih tinggi sebanyak RM2.5 bilion. Pendapatan yang lebih sederhana ini adalah susulan penurunan 11.3% dalam perniagaan berkaitan pelaburan baharu.

Keuntungan kendalian bagi perniagaan insurans am meningkat sedikit hasil daripada pendapatan premium yang lebih tinggi daripada perniagaan motor dan kebakaran.

Pendedahan kepada pergerakan pasaran masih lagi terurus disebabkan bertambahnya pelaburan penanggung insurans dalam sekuriti pendapatan tetap, yang telah lebih daripada mengimbangi penurunan nilai pelaburan dalam ekuiti. Nisbah nilai pasaran berbanding dengan kos pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap menjadi bertambah baik lantaran kemerosotan kadar hasil PDS bertaraf AAA dan AA yang dipegang oleh syarikat insurans. Nisbah aset cair berbanding manfaat/tuntutan ialah 1.9 kali (S1 08: 2.2 kali).

Sektor Insurans dan Takaful: Keuntungan

	RM juta		
	S108	S408	S109
Insurans hayat/takaful keluarga			
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,696,3	1,369.9	2,029.0
Insurans dan takaful am			
Keuntungan operasi	269.1	325.3	204.6

Persidangan Gabenor-gabenor SEACEN ke-44
Kuala Lumpur, 6 Februari 2009

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia amat berbangga kerana dapat menjadi tuan rumah Persidangan Gabenor-gabenor SEACEN pada tahun ini. Kami amat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kedatangan Gabenor-gabenor dari negara anggota SEACEN untuk bersama kami pada ketika ini bersempena dengan ulang tahun kami yang ke-50 sebagai Bank Pusat. Pada 20 Januari 1959, iaitu 50 tahun yang lalu, Bank Negara Malaysia telah ditubuhkan dengan rasminya sebagai Bank Pusat negara ini. SEACEN adalah antara kumpulan yang paling terangkum (inclusive) di rantau ini, dengan ekonomi yang amat pelbagai dari segi saiz dan tahap pembangunannya. Ini, walau bagaimanapun, tidak menghalang pembangunan dan kemajuan SEACEN sebagai sebuah kumpulan yang padu dalam mencapai kerjasama yang lebih erat, khususnya dalam memperkukuh keupayaan dan keberkesanan Bank-bank Pusat di rantau ini.

Mesyuarat Gabenor-gabenor pada tahun ini, bagaimanapun, berlangsung ketika persekitaran kewangan dan ekonomi global dilanda kegawatan yang teruk. Sesungguhnya, ini merupakan masa untuk kita menilai tahap keberkesanan usaha kita dalam memberikan tindak balas dan menghadapi persekitaran yang amat mencabar ini dengan lebih baik.

Hari ini kita berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, yang sudi merasmikan majlis pembukaan Persidangan kita. Kita juga menghargai kehadiran Mr. Dominique Strauss-Kahn, Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) yang akan menyertai mesyuarat kita walaupun beliau mempunyai jadual yang amat ketat dalam tempoh yang begitu mencabar ini. Kita tentunya akan memperoleh manfaat dari perspektif IMF tentang perkembangan yang sedang berlaku dan penilaian terhadap pelbagai tindak balas dan intervensi yang sedang dilaksanakan.

Hari ini, kita juga bertuah kerana akan dapat mendengar ucapan Mr. Nout Wellink, Presiden De Nederlandshe Bank yang akan berkongsi dengan kita tentang pengaturan keinstitusian bagi penyeliaan kehematan, amalan pasaran dan perlindungan pengguna. Semua isu ini sangat relevan dalam persekitaran semasa memandangkan usaha sedang dilakukan untuk menghasilkan pengaturan keinstitusian yang paling berkesan bagi mencapai kestabilan kewangan. Hal ini bukan sahaja relevan kepada sistem kewangan yang maju tetapi juga kepada Bank-bank Pusat anggota SEACEN dalam usaha kita berusaha untuk terus membangunkan dan mengembangkan sistem kewangan kita.

Sejak krisis Kewangan Asia lebih sepuluh tahun lalu, rantau ini telah memperoleh manfaat daripada pembaharuan dan penstrukturan semula sistem kewangan dan ekonomi masing-masing. Walaupun kedudukan yang bertambah kukuh ini tidak melindungi kita daripada kejutan luaran yang menggugat kestabilan, namun ia telah memperkukuh keupayaan kita untuk menghadapi perkembangan seumpama itu. Rantau ini juga telah mendapat manfaat daripada integrasi kewangan dan ekonomi serantau yang lebih pesat. Kecenderungan kita yang meningkat untuk perdagangan dan pelaburan dengan satu sama lain menyumbang kepada pembinaan asas kestabilan dan daya tahan serantau yang lebih kukuh. Ini juga telah diperkuat oleh permuafakatan dan kerjasama serantau yang lebih erat.

Walaupun mempunyai struktur kewangan dan ekonomi yang pelbagai, kita semua bersependapat bahawa kemajuan kewangan perlu diiringi dengan tahap pengawalan dan

penyeliaan yang bersesuaian bagi memelihara kestabilan kewangan tanpa menghalang insentif untuk inovasi kewangan dan pelaksanaan pengambilan risiko secara berhemat. Tema kita pada hari ini iaitu memelihara kestabilan monetari dan kewangan dalam persekitaran global semasa amat bersesuaian ketika ketidakstabilan kewangan antarabangsa meninggalkan kesan pada ekonomi negara dan pilihan dasar yang sedia ada. Perkembangan semasa menunjukkan kelemahan sistem kewangan termasuk dalam kalangan ekonomi maju. Isu-isu kritikal semakin jelas khususnya berkenaan pengantaraan kewangan, inovasi kewangan, serta rejim pengawalseliaan dan mekanisme pemantauan yang berpadanan yang perlu diwujudkan bagi menyediakan pengawasan yang diperlukan terhadap aktiviti-aktiviti tersebut. Pengalaman-pengalaman ini menekankan kepentingan kritikal terhadap tadbir urus korporat yang baik, pengurusan risiko yang mantap, pengawasan yang ketat serta rangka kerja pengurusan krisis yang lebih kukuh dan cukup teguh untuk bertahan dalam keadaan pasaran yang ekstrem.

Globalisasi dan integrasi kewangan telah memberikan satu dimensi baharu dan penting bagi mencapai kestabilan kewangan, iaitu pertimbangan yang perlu diberikan kepada implikasi serantau dan global. Kerjasama antarabangsa yang lebih erat diperlukan. Tambahan lagi, penjajaran semula arkitektur kewangan antarabangsa kini menjadi lebih penting. Jika ini tidak dapat dilakukan, kemajuan yang dicapai pada peringkat negara akan terus terjejas. Setiap peluang yang tidak dimanfaatkan untuk memulakan pembaharuan yang perlu terhadap arkitektur kewangan antarabangsa akan mengakibatkan kos kewangan, ekonomi dan sosial meningkat dan akan terus menjadi semakin besar.

SEACEN mempunyai sejarah yang lama sebagai platform perbincangan dasar peringkat tertinggi. Walaupun Pusat Latihan SEACEN telah ditubuhkan pada tahun 1972, Gabenor-gabenor Bank Pusat SEACEN telah pun bermesyuarat setiap tahun sejak tahun 1967 lagi. Persidangan Gabenor-gabenor SEACEN sentiasa menjadi forum penting untuk bertukar pandangan secara terbuka dan berkongsi pengalaman mengenai dasar ekonomi dan kewangan. Pemantauan serantau juga telah dipertingkatkan dengan penubuhan mekanisme sokongan serantau dan pengukuhan keupayaan pengurusan risiko terhadap sistem kewangan dan persekitaran negara. Kerjasama SEACEN telah berupaya menghadapi perubahan persekitaran serantau dan global. Ini termasuk Kumpulan Pakar SEACEN yang telah ditubuhkan untuk bertukar maklumat, khususnya mengenai aliran kewangan dalam rantau ini. Dalam tempoh yang lebih mutakhir, kita juga telah bekerjasama bagi memastikan keadaan dan pendapat kita diambil kira oleh pertubuhan antarabangsa dalam membuat keputusan-keputusan yang menjejaskan kepentingan rantau ini.

Pusat Latihan SEACEN juga merupakan platform untuk usaha permuafakatan serantau yang berkesan dalam membina keupayaan Bank-bank Pusat di rantau ini. Peningkatan pengetahuan dan pembangunan modal insan yang berterusan wujud pada semua peringkat dalam institusi kita. Pusat Latihan SEACEN telah memberikan sokongan kepada keseluruhan kitaran kerjaya bagi setiap pegawai bank pusat dan dengan itu memperkukuh pembangunan tenaga kerja mahir kita. Pusat Latihan SEACEN merupakan hasil yang jelas daripada kerjasama kita dan telah berkembang pesat sejak beberapa tahun yang lalu. Usaha berterusan Pusat SEACEN telah berjaya melatih lebih daripada 10,000 pegawai daripada anggota Bank Pusat. Dengan meningkatnya tuntutan terhadap Bank-bank Pusat, para anggota akan terus menaruh harapan yang lebih tinggi pada Pusat Latihan SEACEN. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Pusat Latihan SEACEN akan berpindah ke premis baharu yang lengkap dengan kemudahan pembelajaran yang canggih dalam beberapa minggu lagi. Premis ini akan turut dilengkapi dengan sebuah asrama kediaman baharu yang moden. Sebagai negara tuan rumah kepada Pusat SEACEN, Bank Negara Malaysia mempunyai iltizam yang amat tinggi dalam menyokong Pusat Latihan ini menjadi pusat pembelajaran terulung yang menerajui pembangunan pegawai-pegawai bank pusat.

Saya berharap kita dapat mengadakan perbincangan yang produktif pada persidangan ini. Walaupun jadual padat telah diatur, kami juga berharap anda semua dapat meluangkan sedikit masa untuk melawat tempat-tempat menarik di Kuala Lumpur semasa kunjungan anda di sini.

Majlis Ulang Tahun Bank Negara Malaysia ke-50: "50 Tahun Perbankan Pusat – Kestabilan dan Kemapanan" Kuala Lumpur, 8 Februari 2009

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia yang telah dibuka dengan rasminya sebagai Bank Pusat pada 26 Januari 1959, hanya setahun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957, memperlihatkan betapa pentingnya institusi Perbankan Pusat. Sejak permulaan penubuhannya, Bank Pusat ini telah diamanahkan untuk menjadi peneraju bagi melaksanakan mandat tradisi Bank Pusat sebagai pendorong kepada kestabilan monetari dan kewangan. Tidak kurang pentingnya ialah mandat untuk membangunkan sistem kewangan domestik – sebuah sistem kewangan yang akan menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan tokoh-tokoh kehormat yang datang dari pelbagai pelosok dunia untuk bersama-sama kita pada majlis yang istimewa ini bagi memperingati ulang tahun Bank Negara Malaysia yang ke-50. Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia kerana sudi hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis ini.

Pendahuluan

Saya akan berkongsi pengalaman Bank selama 50 tahun ini dan aspirasi Bank pada masa hadapan. Tempoh lima dekad yang berlalu ini merupakan tempoh yang paling mencabar. Namun, banyak kemajuan yang bermakna telah dicapai dan banyak juga pengajaran yang diperoleh. Walaupun negara memperoleh kemakmuran yang nyata pada sebahagian besar tempoh ini, kemajuan ekonomi dan kewangan negara turut menghadapi cabaran yang menguji kecekalan kami. Bagi menguruskan dan menyahut cabaran-cabaran ini, pertumbuhan dan transformasi ekonomi yang dilalui selama 50 tahun ini telah dicapai dalam persekitaran makroekonomi dan kewangan yang stabil.

Sepanjang lima dekad itu, Malaysia telah mencatat pertumbuhan tahunan purata yang melebihi 6 peratus dan inflasi tahunan yang kurang daripada 3 peratus. Pendapatan yang meningkat secara berterusan dan inflasi yang rendah dan stabil bukan sahaja menggalakkan kadar tabungan tinggi yang melebihi 30 peratus daripada KDNK malahan turut menghasilkan tabungan sebagai sumber pembiayaan utama sektor kewangan. Ini membolehkan Malaysia bergantung pada sumber pendanaan domestik bagi membiayai pertumbuhan dan pembangunan negara, lantas berjaya meminimumkan tahap keterhutangan luar negeri.

Kestabilan Monetari

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, ketidakstabilan monetari umumnya berpunca daripada kejutan harga luaran, yang telah berlaku semasa tempoh harga komoditi dan tenaga mencatat paras tinggi, dan sebahagian kecilnya ketika keadaan permintaan yang berlebihan dan tahap pertumbuhan ekonomi melebihi potensinya. Hanya terdapat dua episod dalam sejarah negara pertumbuhan ekonomi melebihi potensinya dan telah mencetuskan tekanan inflasi; tempoh utama tersebut ialah sebelum berlakunya krisis kewangan Asia.

Semenjak tahun 1990-an, dasar monetari menjadi lebih rumit akibat aliran modal yang tidak menentu. Ini jelas dalam beberapa tempoh tertentu, iaitu pada awal tahun 90-an, pertengahan 90-an, dan akhir tahun 90-an apabila berlakunya aliran keluar modal pada tahun 1997-1998, dan pada masa kini, ketidaktentuan aliran modal berlaku berikutan pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan di negara-negara maju.

Pada awal penubuhan Bank Negara Malaysia, tindakan dasar tertumpu pada pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan melalui pelaksanaan keperluan rizab berkanun dan mudah tunai, dan melalui penetapan kadar faedah dan sekatan portfolio, termasuk had bagi pinjaman. Kemajuan dan kecanggihan sektor kewangan yang berterusan, pasaran kewangan yang makin mendalam dan aliran modal yang makin memberikan kesan, mengakibatkan dasar monetari bergantung pada kadar faedah dan instrumen-instrumen lain yang berasaskan pasaran. Selain itu, apabila jangkaan menjadi lebih penting, maka isyarat dasar yang lebih jelas adalah diperlukan. Oleh itu, pada tahun 2004, Rangka Kerja Kadar Faedah Baharu telah dilaksanakan, dengan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) menjadi kadar dasar yang baharu, lantas menambah kecekapan mekanisme penyampaian monetari. Rangka kerja baharu ini juga bertindak sebagai pemangkin bagi menentukan harga yang efisien bagi produk dan perkhidmatan kewangan oleh institusi-institusi perbankan.

Isu utama dasar monetari dalam sebuah ekonomi yang terbuka seperti Malaysia ialah memastikan kadar pertukaran yang fleksibel dan kebebasan dasar monetari dalam menghadapi aliran modal yang makin besar. Bagi menguruskan peningkatan mendadak dalam aliran modal ini, pelbagai rangkaian instrumen berasaskan pasaran bagi tujuan operasi dasar monetari telah diwujudkan. Dengan peningkatan aliran perdagangan dan pelaburan antara rantau, kestabilan kadar pertukaran berbanding dengan mata wang serantau menjadi lebih penting.

Proses membuat keputusan dasar monetari di peringkat Bank Negara Malaysia juga telah diubah suai apabila Jawatankuasa Dasar Monetari menjadi asas tadbir urus dasar monetari bagi menghasilkan proses yang lebih optimum dalam penggubalan dasar. Komunikasi dasar monetari dan peningkatan ketelusan juga telah menjadi sangat penting dalam rangka kerja ini.

Lantaran itu, walaupun tanggungjawab Bank Pusat ke arah menggalakkan kestabilan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan tetap tidak berubah semenjak penubuhan Bank Negara Malaysia pada tahun 1959, strategi, rangka kerja dan instrumen telah berubah dengan ketara bagi memastikan keberkesanan dalam mencapai matlamat yang diingini.

Pembangunan Sektor Kewangan

Fokus utama Bank Pusat sepanjang lima dekad ini ialah pembinaan keinstitusian, pembangunan pasaran kewangan dan penyediaan infrastruktur kewangan yang bersesuaian. Perkembangan sistem kewangan telah memperlihatkan transformasi sistem itu, daripada sistem kewangan asas yang didominasi oleh sektor perbankan kepada sistem kewangan yang mempunyai kepelbagaian yang tinggi, daripada sistem kewangan yang begitu dikawal selia kepada sistem kewangan yang berfungsi berlandaskan orientasi pasaran yang lebih luas, daripada sistem yang tidak terselaras kepada yang lebih kukuh dan terselaras. Sistem kewangan yang telah melalui transformasi ini juga disokong oleh rejim perundangan dan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih menyeluruh, dan sistem kewangan yang lebih liberal dengan hubungan antarabangsa yang lebih kukuh.

Sebahagian daripada pembinaan keinstitusian ialah penubuhan institusi pengawalseliaan yang mempunyai mandat yang jelas. Institusi-institusi ini termasuk Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Koperasi, Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LOFSA) yang menyertai kita pada hari ini bagi meraikan tradisi bekerjasama yang sekian lama terjalin dalam memenuhi tujuan bersama. Institusi-institusi kewangan pembangunan yang khusus juga ditubuhkan bagi menggalakkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk sektor-sektor yang belum mendapat akses kepada perkhidmatan daripada institusi-institusi kewangan sedia ada. Keterangkuman kewangan (financial inclusion), iaitu memastikan semua aktiviti ekonomi dan semua segmen masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan, senantiasa menjadi keutamaan bagi Bank Pusat. Pada masa ini, kira-kira 80% daripada jumlah penduduk mempunyai beberapa jenis akaun bank memandangkan akses kepada sistem kewangan kini lebih meluas dan menyeluruh.

Infrastruktur kewangan penting yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyokong proses pengantaraan termasuklah sistem maklumat kredit diselaraskan secara berpusat yang komprehensif pada peringkat nasional yang membolehkan keputusan kredit dibuat dengan maklumat yang mencukupi oleh institusi-institusi kewangan. Selain itu, Credit Guarantee Corporation (CGC) telah ditubuhkan untuk memberikan sokongan kepada perniagaan kecil. Cagamas, perbadanan gadai janji nasional, telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan aliran dana yang berterusan kepada industri perumahan dan untuk membangunkan pasaran gadai janji sekunder.

Tumpuan bagi infrastruktur kewangan ialah infrastruktur pembayaran yang telah dinaik taraf dan dijadikan lebih canggih sejak beberapa tahun supaya lebih cekap dan boleh diharapkan. Landskap pembayaran telah berubah daripada hanya berasaskan kertas kepada pelbagai bentuk pembayaran elektronik yang baharu. Perbankan internet yang belum wujud kira-kira 10 tahun dahulu di Malaysia kini digunakan dengan meluas oleh seluruh penduduk negara ini yang menjadi pelanggan internet. Kadar pemindahan pembayaran elektronik negara kepada tahap yang lebih cekap terus menjadi salah satu agenda penting kepada Bank Negara Malaysia.

Pembinaan institusi dilengkapkan juga dengan sokongan daripada Bank Pusat untuk pembangunan tenaga mahir dalam industri perkhidmatan kewangan. Pertumbuhan sektor kewangan tidak dapat dicapai tanpa perhatian yang sewajarnya terhadap pembangunan keperluan profesional bagi industri perkhidmatan kewangan.

Dalam dua dekad mutakhir ini, satu sistem kewangan Islam yang komprehensif juga telah berkembang di Malaysia, termasuk institusi, pasaran dan rangka kerja perundangan, pengawalan dan penyeliaan sokongan. Kini sistem kewangan Islam menawarkan perkhidmatan kewangan Islam yang menyeluruh dan mendalam. Malaysia ialah negara tuan rumah kepada urus setia bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) di Kuala Lumpur yang menetapkan piawaian pengawalan dan penyeliaan antarabangsa bagi kewangan Islam.

Pembangunan pasaran kewangan juga penting bagi mewujudkan sistem kewangan yang mantap. Usaha-usaha Bank Pusat ke arah ini termasuk penubuhan institusi dan pewujudan infrastruktur bagi meningkatkan kecekapan pasaran wang, modal dan pertukaran asing. Suruhanjaya Sekuriti, agensi penarafan dalam negeri dan Cagamas, iaitu syarikat gadai janji, adalah antara inisiatif yang dimulakan oleh Bank Negara Malaysia sebagai sebahagian daripada pembangunan pasaran bon domestik. Di samping itu, Bank juga menyediakan sistem penyimpanan (depository), penyampaian dan penyelesaian yang komprehensif dan moden, yang memudahkan terbitan, urus niaga dan penyelesaian sekuriti hutang dalam pasaran, serta mekanisme untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bagi menambah baik proses penentuan harga secara keseluruhan. Ini telah menyumbang ke arah penambahan instrumen baharu yang mempunyai profil tempoh matang yang lebih lama, yang seterusnya memperluas dan memperdalam pasaran sekuriti hutang.

Pembangunan pasaran pertukaran asing yang teguh dan kukuh merupakan bidang yang masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Pasaran pertukaran asing ini penting dalam sistem kewangan negara, memandangkan negara mempunyai ekonomi yang sangat terbuka. Sistem Lembaga Matawang yang diamalkan oleh negara telah digantikan dengan ringgit (dahulunya dikenali sebagai dolar Malaysia) pada tahun 1967. Pertukaran ini berjaya kerana pada masa itu belum ada spekulator mata wang. Spekulasi ini hanya berlaku pada tahun 1997-98 apabila ringgit dan mata wang serantau lain telah menjadi sasaran kepada serangan spekulator mata wang. Jumlah urus niaga pertukaran asing telah berlipat ganda, jauh melebihi jumlah perdagangan dan aliran kewangan yang biasa. Ini mengakibatkan kadar pertukaran yang amat tidak menentu semasa berlakunya krisis kewangan Asia pada masa itu. Akibatnya, mata wang serantau menjunam pada paras paling rendah dalam sejarah.

Selepas lebih daripada setahun mengalami kemelut ini dan ketidakpastian yang menyelubungi pasaran tukaran asing, Malaysia telah melaksanakan kawalan modal terpilih dan nyahpengantarabangsaan ringgit. Langkah

ini penting dalam mengembalikan kestabilan pasaran. Ia bertindak seperti pemutus litar (circuit breaker). Urus niaga ringgit pesisir, iaitu sumber utama bagi membiayai serangan spekulatif, telah dihapuskan dengan berkesan. Dalam tempoh setahun, semua kawalan yang dikenakan telah dimansuhkan. Lebih daripada 10 tahun kemudian, ringgit, bagaimanapun, masih kekal dinyahantarabangsakan. Prasyarat penting bagi pengantarabangsaan mata wang ialah pembangunan pasaran pertukaran asing yang teguh dalam sistem kewangan negara.

Kestabilan Kewangan

Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam krisis kewangan semasa telah menyebabkan peranan bank-bank pusat dalam mewujudkan kestabilan kewangan menjadi tumpuan utama. Dalam persekitaran yang berterusan dengan pelbagai ketidakpastian terhadap pasaran kewangan dan ekonomi umumnya, saya akan memberikan gambaran peranan Bank Negara Malaysia bagi mencapai kestabilan kewangan.

Selain berfungsi sebagai pemberi pinjaman usaha akhir, Bank Negara Malaysia juga bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan institusi perbankan. Sejak tahun 1988, Bank Negara Malaysia juga bertanggungjawab terhadap industri insurans, dan pada tahun 2002, terhadap institusi kewangan pembangunan. Rangka kerja pengawalseliaan kehematan juga telah melalui perubahan yang nyata sepanjang 50 tahun ini. Pendekatan rangka kerja kehematan dan penyeliaan yang diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia telah memberikan fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap perkembangan dan cabaran baharu yang dihadapi oleh sektor kewangan. Beberapa faktor telah dijadikan panduan dalam pendekatan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia. Pertama ialah mengenal pasti keterbatasan terhadap alat dan instrumen pengawalseliaan. Kedua ialah menerima bahawa perubahan diperlukan dalam persekitaran yang senantiasa berubah dan untuk menilai dengan cermat tukar-ganti (trade-off) yang timbul berikutan peringkat pembangunan yang berbeza dalam sistem kewangan itu. Akhir sekali, untuk mengambil kira kesalinghubungan dalam sistem kewangan, dan antara sistem kewangan merentas sempadan.

Berpandukan parameter ini, Bank Negara Malaysia telah meluaskan rangka kerja kehematan yang pada mulanya mengandungi peraturan-peraturan kehematan yang mudah bagi menangani sekatan modal, penggearan, mudah tunai dan portfolio, kepada pengawalseliaan yang lebih berbeza dan berasaskan prinsip yang mencerminkan tahap risiko yang diambil oleh sesebuah institusi. Hasilnya, institusi yang mempamerkan amalan tadbir urus yang baik dan kemampuan yang mantap dalam mengurus risiko kini diberikan fleksibiliti yang nyata lebih besar. Fleksibiliti ini turut diikuti dengan perubahan-perubahan asas dalam pendekatan penyeliaan yang kini telah beralih daripada pendekatan berasaskan pematuhan yang meluas kepada pendekatan yang lebih berfokuskan penilaian terhadap aktiviti pengambilan risiko oleh sesebuah institusi dan fungsi kawalan bagi menguruskan risiko. Instrumen pengawalseliaan juga telah dikembangkan dengan memasukkan penilaian yang lebih berpandangan jauh terhadap risiko kepada kestabilan kewangan, disokong oleh pendekatan ujian ketahanan yang lebih dinamik dan peningkatan sistem pengawasan.

Prasyarat bagi peralihan kepada pendekatan berasaskan prinsip kepada pengawalseliaan sebahagian besar telah diperkukuh melalui langkah-langkah bina upaya yang telah dilaksanakan dengan segera dalam tempoh selepas berlakunya krisis kewangan Asia. Pembangunan Pelan Induk Sektor Kewangan yang telah dilancarkan pada tahun 2001 ialah rangka tindakan yang bukan sahaja dibangunkan untuk reformasi sektor kewangan yang komprehensif, tetapi juga menyediakan rangka kerja dan strategi untuk pemodenan sistem kewangan negara.

Jaringan keselamatan kewangan juga telah diperkukuh dengan pengenalan sistem insurans deposit yang komprehensif dan penubuhan institusi-institusi untuk membantu pengguna menguruskan masalah hutang dan menyelesaikan pertikaian mereka dengan institusi-institusi kewangan. Langkah-langkah ini juga menyumbang ke arah keyakinan yang berterusan dalam sistem kewangan.

Krisis: Satu Tempoh yang Mencabar bagi Bank Negara Malaysia

Pada tahun 90-an, terdapat tanda-tanda yang jelas bagi ekonomi sedang pesat membangun bahawa cabaran baharu terhadap kestabilan yang berpunca daripada aktiviti kewangan dalam dimensi antarabangsa telah mula muncul. Khususnya, aliran modal yang tidak menentu dan berpotensi mengakibatkan ketidakstabilan merupakan ciri-ciri yang mempengaruhi persekitaran kewangan antarabangsa. Asas-asas ekonomi yang kukuh sahaja tenyata tidak mencukupi untuk membendung ketidakstabilan dalam ekonomi dalam negeri dan sistem kewangan.

Kebanyakan antara kita masih mengingati dengan jelas krisis kewangan Asia pada tahun 1997-98 yang telah memberikan kesan teruk kepada beberapa negara dalam rantau ini. Walaupun pada mulanya dianggap sebagai krisis mata wang, tetapi kemudiannya berubah menjadi krisis kewangan dan ekonomi. Pada tempoh itu, kadar pertukaran ringgit telah susut kira-kira 40% semasa kemuncak krisis itu; pasaran saham telah merosot hampir 80%. Walaupun ekonomi Malaysia terus berkembang 7.3% pada tahun 1997, keadaan menjadi bertambah teruk pada tahun 1998 apabila ekonomi menguncup sebanyak 7.4%.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan. Ini termasuk program penstrukturan yang komprehensif untuk sektor kewangan dan korporat. Meskipun masih lagi pada peringkat awal krisis, sebuah syarikat pengurusan aset telah ditubuhkan bagi mengambil alih dan mengurus pinjaman tak berbayar institusi-institusi perbankan. Sebuah syarikat tujuan khas telah ditubuhkan untuk permodalan semula institusi perbankan dan Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat telah ditubuhkan untuk menyediakan saluran untuk penstrukturan semula hutang secara sukarela bagi perniagaan. Dalam tempoh enam bulan selepas pelaksanaan langkah-langkah ini, masalah dalam sektor kewangan dapat diatasi dan aktiviti pemberian pinjaman diteruskan semula. Ini telah menyumbang kepada pemulihan semula ekonomi, yang berkembang 6.1% pada tahun 1999. Yang ketara, pegangan saham dalam institusi-institusi kewangan telah dijual semula kepada sektor swasta dengan pulangan lebih daripada mencukupi untuk menanggung kos pelaksanaan langkah tersebut.

Usaha Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan kestabilan tidak berakhir apabila krisis kewangan Asian telah reda dan ekonomi telah pulih. Membina asas daya tahan semasa ekonomi berada dalam keadaan yang kukuh merupakan pengajaran yang dipegang bersungguh-sungguh. Lantaran itu, apabila kestabilan telah pulih, Bank Negara Malaysia memulakan penstrukturan dan reformasi yang komprehensif untuk sektor kewangan. Ini termasuk penyatuan institusi-institusi kewangan domestik; pengukuhan tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan keupayaan keinstitusian institusi kewangan domestik; serta pendalaman pasaran bon. Usaha ini telah menempatkan sistem kewangan Malaysia pada kedudukan yang lebih kukuh bagi mengharungi krisis kewangan semasa.

Kerjasama Serantau

Sejak dari mula lagi, Bank Negara Malaysia sentiasa terlibat secara aktif dalam hubungan di rantau ini dan menjadi anggota paling awal dalam kumpulan SEACEN, iaitu merupakan kumpulan tertua dan paling terangkum (inclusive) di rantau ini. Ditubuhkan pada tahun 1967, SEACEN telah menjadi forum serantau yang amat penting. Walaupun ia merupakan sebuah kumpulan daripada kalangan ekonomi yang pelbagai, ini tidak menghalangnya daripada menjadi kumpulan yang padu. Urus setia tetap SEACEN yang ditubuhkan pada tahun 1979 telah ditempatkan di Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia juga merupakan sebahagian daripada kumpulan serantau lain termasuk EMEAP dan Majlis Perundingan Asia (Asian Consultative Council, ACC) bagi BIS. Usaha-usaha kerjasama antara Bank Pusat Asia dalam pengawasan, pembangunan pasaran kewangan serantau dan perkongsian maklumat adalah meluas. Dalam kewangan Islam, Bank Negara Malaysia merupakan anggota pengasas Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam untuk menggalakkan dan mempertingkatkan keteguhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Pemodenan Bank Pusat

Bank Negara Malaysia juga telah melalui perubahan yang ketara dalam 50 tahun ini. Pada permulaan penubuhannya, Bank Negara Malaysia mempunyai empat jabatan dengan 57 orang kakitangan. Kakitangan Bank Negara Malaysia kini telah bertambah kepada lebih 2,600 pekerja bagi memenuhi peranan yang lebih luas. Pemodenan Bank Negara Malaysia telah melibatkan perubahan kepada rangka kerja perundangan, organisasi dan struktur tadbir urus, serta asas modal insan, agar membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi lebih efektif dalam persekitaran yang telah berubah.

Melangkah ke hadapan, Bank akan berdepan dengan cabaran yang lebih hebat, dan dengan wujudnya pelbagai infrastruktur kewangan pada masa ini, fasa pembangunan sektor kewangan Malaysia seterusnya akan melibatkan liberalisasi dan pengantarabangsaan pasaran yang lebih meluas. Perkembangan ini akan menuntut tahap ketersediaan, keupayaan dan kemampuan Bank Negara Malaysia yang lebih tinggi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik demi negara dan masa hadapan.

Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia dalam proses untuk mengemukakan Akta Bank Negara Malaysia yang baharu kepada Parlimen. Memandangkan landskap ekonomi dan kewangan, baik dalam negeri mahupun antarabangsa, kini sangat berbeza berbanding dengan 50 tahun yang lalu, Akta yang disyorkan ini membabitkan kajian semula yang holistik perundangan yang sedia ada agar mandat, tadbir urus dan kebertanggungjawaban Bank Negara Malaysia lebih jelas bagi memastikan Bank terus melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Akta yang disyorkan ini akan memberi Bank kuasa dan instrumen yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan peranannya dengan berkesan. Akta yang disyorkan ini juga bukan sahaja akan menginstitusikan banyak amalan yang telah diperkenalkan dalam dekad mutakhir ini tetapi juga untuk memberikan kuasa yang perlu, yang kritikal bagi memastikan Bank Pusat senantiasa bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, Akta baharu ini pada dasarnya akan terus memperkukuh rangka kerja tadbir urus sedia ada dengan mekanisme yang bersesuaian bagi memastikan sekatan dan imbangan yang mencukupi. Rangka kerja tadbir urus ini akan terus mempermudah dan mempertingkatkan kualiti dalam membuat keputusan di Bank, menginstitusikan kedua-dua prosedur dan proses sedia ada dan yang baharu untuk mempertingkatkan kebertanggungjawaban, profesionalisme dan ketelusan. Pengukuhan tadbir urus dan kebertanggungjawaban akan menjadi prasyarat bagi Bank meneruskan peranan yang sewajarnya di mata awam serta mempunyai autonomi, di samping memastikan integriti Bank sebagai sebuah institusi awam dalam memberikan perkhidmatan demi kepentingan negara.

Kesimpulan

Bank Negara Malaysia telah menempuh banyak cabaran dalam pengalamannya sepanjang 50 tahun untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan dan dalam menyokong kemampanan pembangunan ekonomi. Sepanjang perjalanan ini, Bank terus fokus terhadap apa yang hendak dicapai dan wawasannya. Fakta paling penting kepada keberkesanan kami ialah keupayaan dalaman, terutamanya kakitangan Bank sendiri. Meskipun persekitaran telah berubah dengan ketara dan fokus dasar telah berkembang, nilai yang di pegang oleh Bank seperti integriti, menghormati perbezaan, profesionalisme dan dorongan untuk mencapai tahap kecemerlangan yang tertinggi, terus dilaksanakan dan diperkukuh dari semasa ke semasa.

Akhir sekali, Bank Negara Malaysia tidak akan berjaya mencapai matlamat dan dasarnya tanpa sokongan daripada Kerajaan, komuniti kewangan dan perniagaan, dan daripada rakyat negara ini, yang telah memberikan keyakinan dan menaruh kepercayaan kepada kami sepanjang 50 tahun ini. Pada masa hadapan, Bank Negara Malaysia, melalui tindakan-tindakan dasar dan dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap negara, akan terus mendukung kepercayaan yang telah diamanahkan.

Persidangan Peringkat Tertinggi Bank Negara Malaysia
Kuala Lumpur, 10 Februarl 2009

Ucapan Pembukaan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbangga kerana berpeluang mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke Persidangan Bank Negara Malaysia tentang "Perbankan Pusat pada Abad Ke-21: Implikasi Globalisasi Ekonomi dan Kewangan" yang dianjurkan sempena Ulang Tahun Bank Negara Malaysia yang Ke-50. Persidangan yang diadakan ini sememangnya bertepatan sekali memandangkan kita perlu meninjau semula pelbagai isu yang muncul daripada krisis kewangan dan ekonomi global semasa serta cabaran dan pengajaran baharu kepada bank-bank pusat.

Kami amat berbesar hati dengan kehadiran bank-bank pusat lebih daripada 50 buah negara yang turut serta meraikan ulang tahun Bank Negara Malaysia yang ke-50. Persidangan ini turut disertai oleh beberapa penceramah ternama bukan sahaja daripada kalangan bank pusat tetapi juga cendekiawan tersohor dan pengamal berpengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan. Besarlah harapan kami agar persidangan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu yang dihadapi oleh bank-bank pusat pada abad ke-21.
Kini, kita berada dalam dunia yang sangat berbeza. Kita harus lebih peka terhadap perubahan yang perlu dilakukan kepada sistem dan struktur, pengaturan dan mekanisme keinstitusian, dan cara kita beroperasi dalam persekitaran baharu ini. Dimensi antarabangsa perubahan ini mempunyai matlamat untuk mencapai sistem kewangan antarabangsa yang tidak mudah terjejas oleh gangguan dan kegagalan serta kemajuan ekonomi dikongsi antara negara.

Globalisasi telah memberikan kesan yang mendalam kepada cara ekonomi moden berfungsi. Manfaat globalisasi ini telah dinikmati oleh pelbagai masyarakat dan rantau, namun globalisasi turut membawa risiko yang ketara. Meskipun Krisis Asia menyerlahkan kesan daripada globalisasi, krisis ini turut menunjukkan bahawa Asia berupaya untuk pulih dengan cepat dan terus meraih manfaat daripada pertambahan aliran perdagangan dan kewangan antarabangsa. Kestabilan dan pertumbuhan yang kembali pulih dengan cepat ini telah menyebabkan krisis hanya tertumpu di rantau Asia.

Walau bagaimanapun, berikutan krisis kewangan semasa yang bertukar menjadi krisis ekonomi, kesannya kini dapat dirasai di seluruh dunia. Walaupun kemelut kewangan ini bermula dalam beberapa ekonomi maju, kesan krisis ini telah menular ke seluruh pelosok dunia apabila ia menjadi bertambah meruncing.

Oleh itu, globalisasi ekonomi dan kewangan bukan sahaja menuntut tindak balas dasar pada peringkat kebangsaan tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Globalisasi juga menuntut supaya tindak balas dasar mempunyai implikasi yang menjangkaui sempadan dalam negeri. Selain itu, manfaat juga boleh diperoleh melalui kerjasama merentas sempadan dalam tindak balas dasar bagi meningkatkan prospek mencapai matlamat yang diingini.

Persidangan kita hari ini tertumpu pada kesan globalisasi ekonomi dan kewangan terhadap peranan bank-bank pusat, serta menilai bagaimana bank-bank pusat dapat menyumbang dengan efektif terhadap usaha menggalakkan kestabilan dalam persekitaran ini. Khususnya, persidangan ini akan memberikan perhatian pada implikasi dan cabaran globalisasi terhadap mandat bank-bank pusat dalam usaha memelihara kestabilan monetari dan kewangan. Tahap globalisasi serta ciri-cirinya turut memberikan tekanan yang ketara terhadap arkitektur kewangan antarabangsa. Krisis kewangan semasa telah menyerlahkan kelemahan yang terdapat dalam arkitektur

kewangan antarabangsa, yang sekali gus telah mendorong pemikiran baharu tentang pembaharuan sistem kewangan global. Malam ini, Profesor Joseph Stiglitz akan menyampaikan ucapan tentang "Institusi yang Kukuh bagi Pertumbuhan dan Pengurusan Krisis".

Esok kita akan memberikan tumpuan pada beberapa cabaran pengurusan khusus yang dihadapi oleh bank-bank pusat dalam persekitaran global. Kita juga akan membincangkan beberapa perkembangan terkini dalam kerjasama antara bank pusat dan bidang yang memerlukan pembaharuan dalam arkitektur kewangan antarabangsa.

Krisis ini telah memberikan peluang kepada kita untuk menilai semula, menggalakkan dan menerima penyelesaian jangka panjang yang berterusan. Tumpuan kita adalah agar perbincangan ini dapat menghasilkan cara baharu yang dapat digunakan oleh bank-bank pusat untuk menyumbang dengan lebih berkesan dalam usaha menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi. Kami berharap persidangan ini akan memberi peluang kepada kita untuk menilai semula pandangan tradisional kita tentang pelbagai isu yang dihadapi. Saya benar-benar berharap persidangan ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan ke-8 Euromoney "Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global" London, 24 Februari 2009

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana diundang untuk berucap di Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan ke-8 ini yang dianjurkan oleh Euromoney. Sidang kemuncak ini yang diadakan ketika dunia dilanda kemelut krisis kewangan paling buruk memberi kita peluang untuk menilai cabaran yang sedang dihadapi dan membincangkan isu-isu yang timbul dalam konteks sistem kewangan Islam.

Ucapan saya hari ini akan tertumpu khususnya pada kewangan Islam sebagai suatu bentuk pengantaraan dan kestabilan kewangan. Saya juga akan menyentuh langkah-langkah yang telah diambil di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk memperkukuh daya tahan dan keteguhan kewangan Islam, dengan mengambil kira pengajaran daripada krisis kewangan yang pernah dialami termasuk krisis semasa.

Sambil kita menempuh persekitaran semasa dan bersiap sedia untuk menghadapi arus kitaran pertumbuhan seterusnya, adalah tepat pada masanya untuk kita meninjau potensi sinergi yang boleh dioptimumkan antara London, sebuah pusat kewangan antarabangsa, dengan Malaysia, sebuah hab kewangan Islam antarabangsa. Melalui cara ini, kita akan dapat memanfaatkan kelebihan berbanding kedua-dua pusat ini lantas memperkukuh hubungan antara pasaran kewangan Islam Timur dan Barat khususnya.

Tahun ini genap lima tahun sejak saya pertama kalinya menyampaikan ucapan di forum ini. Ketika itu, KDNK dunia mengembang hampir 5% dan ekonomi sedang pesat membangun meningkat 7.5%[1]. Semasa tempoh tersebut, kewangan Islam berkembang pesat, tidak hanya di dunia Islam, malahan juga di Barat.

Dengan jumlah aset kewangan Islam global yang dianggarkan mencecah USD700 bilion pada tahun 2007, industri kewangan Islam menawarkan pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang kompleks lagi canggih. Yang nyata, ini memperlihatkan satu jalinan integrasi yang kukuh antara sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa.

Apabila kewangan Islam menjadi sebahagian daripada proses globalisasi kewangan, kewangan Islam juga menjadi lebih terdedah kepada implikasi sistemik perkembangan luaran. Terdapat dua isu yang harus kita tangani. Pertama, dengan perkembangan kewangan Islam adakah ia mampu mengekalkan kestabilan kewangan, dan kedua, adakah industri ini cukup kukuh untuk menghadapi kejutan luaran.

Asas Kewangan Islam

Prinsip Syariah yang menjadi panduan dalam perkembangan sistem kewangan Islam telah menjadi asas yang menyumbang kepada kestabilan dan daya tahan keseluruhannya. Asas ini diperkuat oleh nilai-nilai yang didukung teguh dalam kewangan Islam, yang tidak jauh berbeza daripada nilai-nilai dalam kewangan beretika dan pelaburan yang mendukung tanggungjawab sosial.

Menurut tuntutan Syariah, urus niaga kewangan Islam perlu disokong oleh aktiviti ekonomi sebenar. Pada dasarnya, urus niaga kewangan Islam harus berlandaskan aktiviti perniagaan dan perdagangan yang menjana keuntungan yang halal. Ini akan memastikan dana dapat disalurkan ke dalam aktiviti ekonomi yang

[1] IMF (28 January 2009), "Global economic slump challenges policies", World Economic Outlook Update

produktif, lantas menghasilkan hubung kait yang erat antara aliran kewangan dengan aliran produktif yang dapat melindungi sistem kewangan Islam daripada aktiviti pemberian pinjaman yang berlebihan, pengambilan risiko yang tidak berhemat dan juga aktiviti-aktiviti yang bersifat spekulatif.

Sejajar dengan matlamat utama Islam (maqasid al Syariah) yang menggalakkan keadilan dan kesaksamaan, maka riba atau faedah adalah sama sekali dilarang. Dalam erti kata lain, pemerolehan ganjaran tanpa menanggung sebarang imbal balik nilai risiko yang sepadan ('iwad), usaha dan menanggung liabiliti yang wujud dalam urus niaga adalah dilarang. Berdasarkan pengaturan tersebut, aktiviti ekonomi sebenar dijangka menjana keuntungan yang sepadan dengan risiko yang telah diambil.

Keperluan untuk berkongsi risiko memerlukan institusi kewangan Islam membentuk amalan pengurusan risiko yang kukuh yang melibatkan usaha wajar yang bersesuaian terhadap daya maju ekonomi bagi aktiviti perniagaan atau aset sandaran. Ini diperkukuh oleh keperluan yang jelas tentang ketelusan dan penzahiran. Prinsip intrinsik keuntungan dan perkongsian risiko serta usaha mendukung nilai keadilan dan kesaksamaan sejagat telah menyediakan sekatan dan imbangan (checks and balances) yang terbina secara dalaman di dalam sistem. Etika dan tadbir urus yang mantap turut termaktub dalam pengaturan ini.

Apabila ciri-ciri penting yang dituntut oleh prinsip Syariah diterima pakai secara keseluruhan, ia akan dapat mengurangkan kemungkinan tercetusnya ketidakstabilan kewangan. Namun risiko mungkin timbul apabila persekitaran ekonomi dan keadaan pasaran kewangan menjadi bertambah buruk atau apabila prinsip Syariah tidak dipatuhi. Risiko yang mungkin timbul akibat persekitaran ekonomi dan keadaan pasaran kewangan yang buruk adalah lebih tinggi bagi institusi kewangan Islam yang menggunakan strategi pelaburan agresif ketika ekonomi berkembang dengan pesat.

Dalam krisis kewangan global semasa, langkah awal untuk memperketat mudah tunai yang kemudiannya disusuli gangguan fungsi pasaran kewangan telah mencetuskan tekanan dan ketaksolvenan dalam sektor kewangan. Keadaan luluh kredit (credit crunch) yang menyusul menyebabkan kegawatan kepada ekonomi global. Kesan pusingan kedua akan dirasai apabila kelembapan ekonomi menimbulkan tekanan seterusnya terhadap sektor kewangan. Pada hakikatnya, sistem kewangan Islam tidak kebal terhadap semua perkembangan ini.

Memperkukuh Daya Tahan Sistem Kewangan Islam

Globalisasi kini semakin pesat dan kewangan Islam pula semakin bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa. Oleh itu, risiko kesan penularan akibat gangguan kewangan dan ekonomi di negara lain juga meningkat. Berikutan itu, beberapa inisiatif telah diambil untuk meningkatkan keupayaan sistem kewangan Islam menangani keadaan yang amat menduga dan mencabar ini.

Rangka kerja pengurusan mudah tunai yang berfungsi dengan lancar amat penting dalam proses ini. Tanpa pasaran kewangan yang maju, keupayaan institusi kewangan Islam untuk mengurus pembiayaan urus niaga kewangan Islam dengan berkesan akan terhalang. Kemudahan untuk menyelaraskan baki portfolio melalui kaedah yang mematuhi prinsip Syariah amat penting bagi memastikan risiko mudah tunai diurus dengan berkesan.

Pasaran kewangan Islam Malaysia telah berfungsi dengan cekap selama lebih sedekad. Daripada pasaran instrumen mudah tunai berasaskan struktur perkongsian keuntungan (mudharabah), ia maju kepada instrumen berasaskan struktur penjagaan dengan jaminan (wadiah yad dhamanah), pajakan (ijarah) dan berdasarkan kos ditambah (murabahah). Langkah ini telah berjaya menambah fleksibiliti monetari dalam sistem kewangan Islam. Langkah seterusnya adalah untuk membolehkan platform ini dimajukan ke peringkat antarabangsa dan membuka peluang penyertaan masyarakat kewangan antarabangsa yang lebih meluas dalam pasaran ini. Matlamat ini dapat dicapai dengan menambah bilangan peserta agar merangkumi peserta dari negara lain, menawarkan rangkaian produk yang didenominasikan dalam mata

wang asing, dan menstrukturkannya supaya dapat memenuhi pelbagai aplikasi dan tujuan.

Bagi memperkukuh kedudukan dan kestabilan sistem kewangan Islam, strategi seterusnya adalah untuk mewujudkan rejim kawal selia kehematan yang komprehensif. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) telah ditubuhkan pada tahun 2002 untuk merumuskan piawaian kehematan bagi sektor kewangan Islam. Sehingga kini IFSB telah mengeluarkan tujuh garis panduan dan piawaian yang merangkumi aspek kecukupan modal, pengurusan risiko, tadbir urus korporat, tadbir urus Syariah serta piawaian ketelusan dan penzahiran. Garis panduan terkini yang dikeluarkan adalah berkaitan dengan tadbir urus skim pelaburan kolektif dan kecukupan modal untuk aktiviti sukuk, pengsekuritian dan pelaburan harta tanah. Piawaian IFSB yang diterima pakai oleh negara-negara yang mengamalkan sistem ini akan menjadi tunggak dalam menggalakkan dan menambah kekukuhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Di samping pelaksanaan piawaian kehematan, terdapat juga keperluan untuk memastikan infrastruktur penyeliaan dan perundangan kekal relevan buat landskap kewangan Islam yang pesat berubah. Di Malaysia, usaha ini turut disokong oleh jaring keselamatan kewangan yang komprehensif, termasuk skim insurans deposit dan mekanisme penyelesaian yang bukan sahaja memastikan perlindungan buat penyimpan bahkan juga dapat memberi penyelesaian sistem kewangan yang pantas, berkesan dan pada kos yang menjimatkan.

Krisis semasa telah menunjukkan pentingnya kewujudan rangka kerja pengurusan krisis yang bersepadu. Langkah ini termasuk mewujudkan mekanisme dan wahana penyediaan mudah tunai jangka pendek; pengaturan untuk mengeluarkan aset bermasalah daripada kunci kira-kira institusi kewangan serta mekanisme untuk permodalan semula institusi kewangan Islam. Akhirnya, inisiatif untuk menggalakkan kerjasama lebih erat antara rantau telah mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara pengawal selia pelbagai negara dan juga pertumpuan ke arah suatu piawaian dalam pendekatan penyeliaan dan pengawalan. Perkongsian maklumat, dapatan dan pengalaman juga merupakan bidang kerjasama yang utama.

Salah satu risiko yang dihadapi oleh sektor kewangan Islam adalah beroperasi dalam sistem kewangan konvensional yang sudah kukuh kedudukannya. Ketiadaan penanda aras Islam telah mendedahkan kewangan Islam kepada risiko penyimpan memindahkan simpanan mereka daripada sektor kewangan Islam kepada sektor kewangan konvensional (displacement risk) akibat perubahan dalam keadaan monetari apabila sistem kewangan Islam beroperasi seiring dengan sistem konvensional. Isu asas ini perlu ditangani bagi mengurangkan risiko sektor kewangan Islam daripada terlalu mudah terjejas oleh persekitaran ekonomi yang berubah-ubah. Di samping itu, tiadanya tadbir urus korporat yang kukuh boleh mendedahkan bank-bank Islam kepada risiko serupa yang dihadapi oleh sistem kewangan konvensional. Malah, yang lebih penting adalah bagi lembaga pengurusan institusi kewangan Islam merintis tahap kepimpinan yang lebih tinggi dan mengamalkan budaya dan rangka kerja tadbir urus yang komprehensif.

Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

Kini saya akan menyentuh pula mengenai usaha mengantarabangsakan sistem kewangan Islam dan sinergi yang dapat dimanfaatkan oleh London dan Malaysia daripada kerjasama sebegini.

Pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia telah menuju ke arah persekitaran yang lebih liberal dan bersifat antarabangsa. Transformasi daripada sistem kewangan Islam asas yang dikuasai oleh sektor perbankan kini berubah menjadi sistem kewangan Islam yang komprehensif dengan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang meluas, dan jangkauan luas yang melangkaui sektor ekonomi dalam negeri.

Sejak tahun 2003, langkah-langkah diperkenalkan untuk mewujudkan persekitaran kewangan Islam yang lebih kompetitif. Syarikat

asing diberi lebih fleksibiliti dan juga lesen Islam khusus untuk menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa. Kebenaran yang diberikan kepada entiti asing bagi terbitan sukuk yang didenominasikan dalam ringgit dan mata wang asing di Malaysia telah menambah kepelbagaian peserta dan menggalakkan inovasi dalam sistem kewangan.

Sektor perbankan Islam kami telah mencatat pertumbuhan dua angka sepanjang lapan tahun kebelakangan ini, dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20% dari segi aset. Pada akhir tahun 2008, bahagian aset perbankan Islam daripada jumlah aset sektor perbankan keseluruhan telah berkembang hingga mencapai 16.7% berbanding hanya 6.9% pada tahun 2000. Industri takaful kami mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 23% dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Takaful keluarga dan takaful am masing-masing mencakupi 11% dan 7% daripada sektor insurans keseluruhan. Malaysia juga kekal sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia dan mencakupi lebih 37% daripada terbitan sukuk global pada tahun 2008[2].

Penyertaan pusat kewangan antarabangsa yang terkemuka seperti London, dalam kewangan Islam, akan memperkukuh usaha mengantarabangsakan kewangan Islam, menyumbang ke arah pengukuhan kesalinghubungan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa, dan mengoptimumkan peruntukan sumber kewangan merentas sempadan. Usaha mengambil risiko yang lebih pelbagai juga menyumbang kepada peningkatan kestabilan kewangan global.

Hubungan Malaysia dan London

Terdapat beberapa bidang kerjasama yang boleh dijalin antara Malaysia dengan London. Dalam bidang pengurusan mudah tunai, Malaysia mempunyai pasaran wang Islam yang teguh dan aktif. Rangkaian instrumen pasaran wang Islam boleh menjadi platform yang berdaya maju ke arah pembangunan pasaran mata wang dua hala. London mempunyai asas pasaran antarabangsa bagi pembekalan dan permintaan mata wang asing. Dengan adanya infrastruktur Islam di Malaysia dan juga jangkauan global London, pasaran wang Islam mata wang antarabangsa yang saling menjana manfaat dapat diwujudkan. Dalam hal yang demikian, ia akan membolehkan pusat kewangan lain turut serta dan memanfaatkan kesalinghubungan yang lebih tinggi. Dalam jangka masa terdekat, langkah ini berupaya memberi kelebihan kepada institusi kewangan Islam di United Kingdom dan Malaysia untuk mengendalikan keperluan pengurusan mudah tunai masing-masing.

Dalam bidang sukuk pula, Malaysia mempunyai pasaran sukuk terbesar manakala London mempunyai salah satu bursa yang terkemuka. Salah satu bidang kerjasama yang boleh dijalin adalah penyenaraian-silang sukuk (cross-listing). Dengan mewujudkan mekanisme yang membolehkan sukuk yang diterbitkan dalam sesebuah negara diiktiraf oleh negara lain, akses kepada pasaran akan menjadi lebih besar lantas memperluas jangkauan penerbit dan pelabur. Di samping itu, pengiktirafan bersama boleh diberikan kepada semua produk kewangan Islam yang telah pun diluluskan oleh negara masing-masing bagi memudahkan lebih banyak urus niaga merentas sempadan.

Akhirnya, dalam bidang pembangunan tenaga mahir, Malaysia mempunyai beberapa institusi pembelajaran yang menyediakan latihan dan pendidikan kewangan Islam. United Kingdom pula sudah lama menempa nama sebagai penyedia pendidikan bermutu. Kerjasama dalam bidang ini telah pun terjalin. University of Reading dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) di Malaysia telah pun memulakan program bersama. Ketersediaan kumpulan tenaga mahir dalam kewangan Islam merupakan elemen teras yang perlu ada untuk terus menyokong inovasi dan menggiatkan lagi aktiviti dalam sistem kewangan Islam.

Kesimpulan

Krisis kewangan global jelas menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dan ketidakseimbangan struktur dalam sistem kewangan antarabangsa. Meskipun sistem kewangan Islam tidak terlindung sepenuhnya daripada kesan persekitaran semasa, prinsip dan nilai-nilai Syariah yang mendasari sistem

kewangan ini menyediakan asas-asas penting. Ini diperteguh lagi oleh pengukuhan infrastruktur kewangan, rejim pengawalseliaan, rangka kerja penyeliaan dan undang-undang serta keupayaan menguruskan krisis. Pada masa yang sama, hubungan antara negara yang telah dibina dan sentiasa diperkuat boleh menyumbang kepada proses pengukuhan ini. Malah, Malaysia dan London boleh merintis jalan ke arah menghubungkan pasaran kewangan Islam Timur dan Barat, sambil kita bersiap sedia untuk menghadapi fasa perkembangan ekonomi dan sistem kewangan global selanjutnya.

KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2009

21 Januari 2009

Pada mesyuarat pertamanya bagi tahun 2009, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk menurunkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% manakala Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga diturunkan daripada 3.5% kepada 2% berkuat kuasa 1 Februari 2009. Berikutan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah, penurunan OPR dan SRR yang nyata ini merupakan langkah awalan yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran monetari yang lebih menyokong permintaan dalam negeri. Dalam mesyuarat berikutnya pada 24 Februari, MPC telah menurunkan OPR sebanyak 50 mata asas lagi kepada 2% manakala SRR diturunkan daripada 2% kepada 1% berkuat kuasa 1 Mac bertujuan mengurangkan lagi kos pengantaraan.

23 Januari 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Skim Bantuan Jaminan PKS (SME Assistance Guarantee Scheme) sebanyak RM2 bilion bagi memastikan PKS berdaya maju yang menerima kesan buruk daripada kelembapan ekonomi semasa akan terus mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi. PKS yang layak akan menerima pembiayaan sehingga RM500,000 untuk tempoh sehingga 5 tahun. Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC) akan memberikan perlindungan jaminan sebanyak 80% bagi pembiayaan yang diluluskan di bawah Skim ini. PKS boleh memohon skim ini di mana-mana bank perdagangan dan bank-bank Islam serta institusi kewangan pembangunan yang menyertai skim ini.

28 Januari 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan Bon Simpanan Merdeka 01/2009 yang berjumlah RM1 bilion. Bon yang diterbitkan tanpa skrip dan berlandaskan prinsip Syariah ini merupakan instrumen simpanan tambahan untuk warganegara Malaysia yang berumur 56 tahun ke atas, serta warganegara Malaysia yang bersara atas alasan kesihatan. Bon ini, yang mula dijual pada 18 Februari mempunyai tempoh matang 3 tahun dan menawarkan pulangan sebanyak 5 peratus setahun dan diberikan fleksibiliti untuk membuat penebusan awal sebelum tarikh matang. Pada 11 Mac, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa bon ini telah dilanggan sepenuhnya.

6 – 7 Februari 2009

Bank Negara Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Gabenor-gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks, SEACEN) ke-44 dan Mesyuarat Lembaga Gabenor SEACEN ke-28 di ibu pejabatnya. Gabenor-gabenor dan wakil-wakil daripada enam belas anggota SEACEN dan dua buah lagi bank pusat yang menjadi anggota pemerhati menyertai Persidangan yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Persidangan yang dipengerusikan oleh Gabenor ini bertemakan "Memelihara Kestabilan Monetari dan Kewangan dalam Persekitaran Kewangan Global Baharu". Dalam ucapan perasmiannya, Dato' Sri Najib berkata bahawa penggubal dasar dan pihak berkuasa perlu mengenal pasti dan menguruskan sumber-sumber baharu risiko sistemik dengan secukupnya bagi memelihara kestabilan sistem kewangan. Beliau menambah bahawa pembaharuan sistem kewangan Asia selanjutnya perlu bagi memastikan daya tahannya terhadap ketidaktentuan persekitaran ekonomi dan kewangan global. Dalam ucap utama beliau, Gabenor memaklumkan bahawa rantau Asia menerima manfaat daripada pembaharuan dan penstrukturan semula sistem kewangan dan ekonomi masing-masing berikutan krisis Kewangan Asia. Integrasi kewangan dan ekonomi yang lebih meluas dalam rantau ini yang diperkukuh oleh kerjasama dan permuafakatan

serantau yang lebih erat, telah menyumbang kepada pewujudan kestabilan dan daya tahan serantau yang lebih kukuh. Beliau menegaskan bahawa ketidakstabilan ekonomi dan kewangan global akhir-akhir ini telah memberikan penekanan terhadap kepentingan kritikal tadbir urus yang baik, pengurusan risiko yang mantap, penyeliaan yang ketat serta rangka kerja pengurusan krisis yang lebih kukuh untuk menghadapi keadaan pasaran yang ekstrem. Gabenor juga menambah bahawa kerjasama antarabangsa yang lebih erat dan penjajaran semula arkitektur kewangan antarabangsa diperlukan segera bagi mengurangkan kos kewangan, ekonomi dan sosial serantau.

8 Februari 2009

Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China mewujudkan pengaturan swap mata wang dua hala berjumlah RM40 bilion (80 bilion yuan) bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala bagi pembangunan ekonomi kedua-dua buah negara. Tempoh berkuat kuasa pengaturan ini ialah selama 3 tahun dan boleh dilanjutkan dengan persetujuan kedua-dua buah negara.

8 – 11 Februari 2009

Bank Negara Malaysia mengadakan beberapa siri mesyuarat dan acara bersempena dengan Ulang Tahunnya yang ke-50. Siri acara dan mesyuarat itu bermula dengan Syarahan Awam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) mengenai Dasar Kewangan dan Kestabilan, disusuli oleh Mesyuarat Majlis Perundingan Asia Bank of International Settlements (BIS) serta Mesyuarat Khas Gabenor-gabenor BIS dan Forum Gabenor Bank Pusat. Lebih daripada 40 gabenor bank pusat menghadiri mesyuarat–mesyuarat tersebut. Dalam ucaptama beliau pada majlis khas Ulang Tahun ke-50 Bank Negara Malaysia, Gabenor berkongsi pengalaman Bank Negara Malaysia sepanjang lima puluh tahun memelihara kestabilan monetari dan kewangan serta menyokong kemapanan pembangunan ekonomi Malaysia. Dari 10 hingga 11 Februari, Bank Negara Malaysia juga menganjurkan Persidangan Peringkat Tertinggi dengan tema 'Perbankan Pusat pada Abad ke-21: Implikasi Globalisasi Ekonomi dan Kewangan'. Persidangan ini merangkumi perkembangan ekonomi dan pasaran kewangan serta implikasinya terhadap kestabilan monetari dan kewangan. Cabaran unik yang dihadapi oleh bank-bank pusat dan prospek kerjasama bank pusat serta peranan bank-bank pusat dalam arkitektur kewangan global merupakan perkara-perkara yang dibincangkan dengan terperinci. Gabenor-gabenor bank pusat, tokoh-tokoh akademik dan anggota komuniti kewangan yang terkemuka telah dijemput sebagai penceramah di persidangan ini.

12 Februari 2009

Bank Negara Malaysia memenangi anugerah "Bank Pusat Terbaik dalam Menggalakkan Kewangan Islam" pada Majlis Anugerah Islamic Finance News 2008 yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Ini merupakan anugerah keempat berturut-turut yang dimenangi oleh Bank Negara Malaysia. Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Bank Negara Pakistan (State Bank of Pakistan) dan Bank Pusat Bahrain (Central Bank of Bahrain).

24 Februari 2009

Pada sidang kemuncak Tahunan Kewangan Islam Euromoney ke-8 di London, Gabenor dalam ucaptamanya menekankan potensi untuk bekerjasama antara Britain dan Malaysia dan merintis jalan ke arah menjalinkan hubungan pasaran kewangan Islam antara Timur dengan Barat. Gabenor menambah bahawa penyertaan pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti London akan memperkukuh trend pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih meluas. Seterusnya, ini akan dapat membantu untuk memperkukuh kesalinghubungan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa dan mengoptimumkan pengagihan sumber kewangan merentas sempadan. Pada hari yang sama, Gabenor telah menerima anugerah daripada Majalah Euromoney yang berpangkalan di London sebagai mengiktiraf Sumbangan

Cemerlang beliau kepada Kewangan Islam. Majalah itu memberikan pengiktirafan yang selayaknya kepada Gabenor sebagai seorang pendukung kewangan Islam yang tersohor dan peranan penting beliau dalam mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.

25 Februari 2009

Bank Negara Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Perdagangan dan Pelaburan UK (UK Trade and Investment, UKTI) bagi mewujudkan rangka kerja usaha sama untuk menggalakkan saling kerjasama dalam bidang kewangan Islam. Di bawah MoU itu, Malaysia dan UK akan bekerjasama dalam pembangunan tenaga kerja mahir dan kepakaran, hubungan perniagaan dan sokongan infrastruktur dalam kewangan Islam.

6 Mac 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan Encik Bakarudin bin Ishak dan Dr. Sukhdave Singh sebagai Penolong Gabenor berkuat kuasa 5 Mac 2009. Pelantikan ini menjadikan bilangan Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia kepada lapan orang.

25 Mac 2009

Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008. Pada sidang akhbar berkaitan, Gabenor mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada tahun 2008. Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, khususnya penggunaan swasta yang mapan dan perbelanjaan sektor awam yang kukuh pada tahun itu. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan mengekalkan prestasinya yang kukuh pada separuh pertama tahun itu, didorong oleh permintaan yang kukuh dan pengembangan aktiviti perdagangan dan pelancongan. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun itu, kesemua sektor ekonomi terjejas oleh kelembapan global dan pembetulan yang ketara dalam harga komoditi. Inflasi keseluruhan lebih tinggi pada 5.4% pada tahun 2008, disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang mendadak dalam harga makanan dan bahan api global. Bagi prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2009 pula, Gabenor menyatakan bahawa prestasi KDNK benar diunjurkan antara -1% hingga 1% manakala inflasi dijangka berpurata antara 1.5% - 2%.

Mengenai sistem kewangan, Gabenor menambah bahawa sektor kewangan Malaysia terus stabil dan berdaya tahan dalam keadaan kemelut ekonomi dan pasaran kewangan global. Langkah-langkah awalan yang diambil Bank Negara Malaysia dan Kerajaan pada tahun itu telah memelihara keyakinan dan kestabilan dalam sektor kewangan. Kedudukan permodalan dan kesolvenan adalah mapan pada paras yang kukuh dengan penampan kewangan yang mencukupi pada paras yang tinggi, disokong oleh struktur institusi yang kukuh dan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih mantap.